


**Jilid I
Bil. 15**

**Selasa
15 Ogos 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1955	(Ruangan 20)
USUL:	
Penangguhan Mesyuarat	(Ruangan 63)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
(i) Mempertingkatkan Kemudahan Asas di Taman Salak Selatan - <i>Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)</i>	(Ruangan 63)
(ii) Semangat Untuk Anak-anak Muda Memasuki Angkatan Tentera dan Membela Negara Amat Merosot. - <i>Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena)</i>	(Ruangan 65)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

” Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

” Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

” Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasis Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO’ S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR, (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO’ M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG, (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO’ HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, DATO’ ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, (Bandar Tun Razak).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K. (Semporna).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- ” TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- ” TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- ” TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- ” DATO’ HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- ” DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- ” TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO’ NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- ” TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- ” TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- ” TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- ” DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- ” PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- ” TUAN AKHBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- ” DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- ” TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- ” TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- ” TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- ” TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- ” TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- ” CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- ” TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- ” TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- ” DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- ” PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- ” TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- ” TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- ” TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- ” DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).

- Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- ” TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- ” TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- ” TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- ” DATO’ HON CHOON KIM (Seremban).
- ” TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- ” TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- ” TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- ” PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO’ HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- ” TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- ” DATO’ DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- ” TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- ” TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- ” DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- ” DATO’ DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- ” TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- ” TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- ” DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- ” PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- ” TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- ” TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- ” TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- ” TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).

- Yang Berhormat DR. MAXIMUS JOHNTY ONGKILI (Bandau).
- " TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).
 - " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
 - " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
 - " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
 - " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
 - " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
 - " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
 - " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
 - " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
 - " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
 - " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
 - " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
 - " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
 - " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
 - " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 - " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
 - " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
 - " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
 - " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
 - " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
 - " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
 - " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
 - " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
 - " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
 - " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
 - " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
 - " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
 - " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
 - " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
 - " DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
 - " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- ” DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- ” DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- ” DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- ” TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- ” TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- ” WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- ” WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- ” TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- ” DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- ” TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- ” DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- ” DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- ” DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- ” TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- ” TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- ” TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- ” DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- ” TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- ” TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
- Pelapor Perbahasan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
- Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat* : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin 15hb Ogos 1995

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**KERETA API ELEKTRIK—
JAMINAN KESELAMATAN**

1. Tuan Noh bin Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada pihak kementeriannya telah berpuas hati dengan langkah-langkah keselamatan yang telah diambil bagi menjamin keselamatan orang ramai dari bahaya elektrik apabila kereta api elektrik digunakan di negara ini; dan
- (b) adakah pihak Kementerian Pengangkutan telah mengkaji dengan terperinci kemalangan-kemalangan yang berpunca daripada penggunaan kereta api elektrik di negara-negara yang telah maju supaya dijadikan panduan dan tauladan agar ianya tidak berlaku di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ingin saya menegaskan sebelum Kementerian Pengangkutan memperkenalkan kereta api bercorak elektrik di negara kita, salah satu faktor utama yang diambil kira ialah ciri-ciri keselamatan bagi menjamin keselamatan orang ramai. Dengan langkah-langkah yang telah diambil, maka kementerian saya memang berpuas hati supaya semua ini dapat menjamin keselamatan orang ramai, termasuk pengguna-pengguna dan juga kakitangan KTM dari bahaya elektrik.

Untuk Makluman Dewan yang mulia ini, perkhidmatan kereta api elektrik di antara Rawang ke Kuala Lumpur telah pun bermula secara rasmi pada hari semalam, iaitu 14hb Ogos, 1995.

- (b) Kementerian Pengangkutan memang telah mengkaji segala aspek penggunaan kereta api elektrik di negara-negara lain yang telah lama mempunyai pengalaman kereta api elektrik dan di mana yang sesuai telah pun digunakan sebagai asas kepada penggunaan kereta api sedemikian di negara kita.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan tadi beliau mengatakan ciri-ciri keselamatan telah diberi keutamaan. Saya mohon supaya Yang Berhormat Setiausaha

Parlimen berkenaan menyebut apakah langkah-langkah keselamatan itu kerana kereta api elektrik ini baru di Malaysia, bahayanya memang banyak, tidak seperti di England, semua orang sudah tahu. (*Ketawa*)

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang Kementerian Pengangkutan melalui KTM telah mengambil beberapa langkah keselamatan bagi menjamin keselamatan orang ramai yang mana mereka adakah terdiri dari seperti berikut:

- (i) pihak Kementerian Pengangkutan telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta untuk tujuan kempen-kempen keselamatan di semua media massa, radio, tv (semua saluran) dan semua akhbar.
- (ii) pihak KTM telah pun menubuhkan petugas-petugas khas untuk menjalankan kempen-kempen dan pameran bergerak di sekolah-sekolah, kilang-kilang dan dewan orang ramai di kawasan yang berhampiran dengan kawasan laluan kereta api elektrik di Lembah Kelang;
- (iii) melalui kempen-kempen dan juga pendidikan yang dijalankan oleh KTM, perkara-perkara yang diterangkan kepada orang ramai ialah berkenaan dengan bahaya-bahaya mungkin berlaku jika berada di kawasan elektrifikasi, pertunjukan video berkaitan sistem elektrifikasi dan bahaya mendekati kawasan kereta api laju elektrik; dan
- (iv) pameran kesan-kesan bahaya yang terjadi akibat mengabaikan larangan-larangan tertentu,

seperti menceroboh kawasan larangan, mendekati kereta api laju, bermain layang-layang di kawasan elektrifikasi.

Ini adalah di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada pihak KTM telah menghantarkan pegawai-pegawai teknikalnya untuk menerima latihan pendedahan untuk mengendalikan kereta api elektrik di seberang laut, umpamanya dengan Syarikat Kansai di Jepun ataupun Metro di Perancis oleh kerana sahabat saya tahu mengenai underground di England. Adakah perkara ini telah dilakukan?

Tuan Chor Chee Heung: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pegawai-pegawai KTM telah mula mendapat latihan sebelum kereta api bercorak elektrik diperkenalkan di negara kita. Sebenarnya semua pegawai yang terlibat dalam projek ini telah diberikan latihan oleh British Rail, sebab di Britain seperti dikatakan oleh Yang Berhormat dari Larut, memang di England sudah lama wujud perkhidmatan kereta api elektrik dan semua pegawai kita telah pun dihantar dari semasa ke semasa ke seberang laut untuk melatih kecanggihan teknologi ini. Selain daripada di England, saya percaya sesetengah daripada pegawai-pegawai juga pergi ke negeri Jepun untuk mendapat latihan rujukan.

GAGASAN PERUNDINGAN EKONOMI ASIA TIMUR (EAEC)—PERKEMBANGAN MUTAKHIR

2. Dato' Haji Abu Dahari bin Osman minta Menteri Luar Negeri

menyatakan perkembangan mutakhir berkaitan Gagasan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC). Apakah pihak Amerika atau Jepun yang menghalang pelaksanaannya setakat ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, di Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN (ASEAN Ministerial Meeting) pada 29hb dan 30hb Julai, 1995 di Bandar Seri Begawan, Menteri-menteri Luar ASEAN telah mengesahkan sekali lagi sokongan yang padu negara-negara ASEAN terhadap EAEC. Ini menghapuskan pandangan sesetengah pihak yang ASEAN tidak berpendapat berhubung berhubung dengan EAEC.

Berikutan dengan mesyuarat di atas, Jepun telah mengumumkan bahawa ia akan menganggotai EAEC sekiranya rundingan tersebut mendapat restu kesemua 18 ahli APEC bagi mengelakkan APEC menjadi berbelah bahagi atau berpecah dan sekiranya Australia dan New Zealand juga turut diterima sebagai ahli EAEC. Walau bagaimanapun, Malaysia bersama-sama ASEAN akan meneruskan usaha-usaha untuk merealisasikan EAEC.

Tuan Chang Kon You: Tuan Yang di-Pertua, adakah kita seharusnya menunggu penyertaan Jepun sebelum kita tubuhkan EAEC?

Dr. Leo Michael Toyad: Negara-negara ASEAN akan terus berusaha untuk memberi maklumat dan juga berbincang, berunding dengan negara Jepun termasuk juga negara-negara lain yang tidak terlibat supaya memahami konsep dan prinsip bahawa penubuhan EAEC ini supaya kita dapat menubuhkan dengan tujuan asalnya termasuklah negara Jepun.

SIMEN—KRISIS BEKALAN

3. Puan Rohani binti Abdul Karim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap masalah kekurangan simen pada masa sekarang. Apakah rancangan yang diambil oleh Kementerian untuk memasukkan produk ini (simen) di bawah skim CEPT.

16.8.95

3. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan merujuk kepada kenyataan kementerian mengenai isu kekurangan simen, bolehkah mana-mana syarikat yang berminat membuka kilang simen di Kelantan diberi galakan berbentuk elaun cukai pelaburan sehingga 60% selama 5 tahun bagi perkara-perkara tertentu.

21.8.95

44. Tuan Lim Si Cheng minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kilang simen yang sedang beroperasi di negara sehingga hari ini;
- (b) apakah pula jumlah pengeluaran simen setiap tahun; dan
- (c) apakah sebab-sebab berlakunya kekurangan bekalan simen dan apakah jumlah kekurangan tersebut.

24.8.95

88. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada beliau

sedar betapa seriusnya krisis kekurangan simen sehingga hanya 20% keperluan simen dipenuhi di negeri Melaka dan simen tidak dapat dibeli dalam pasaran haram dan adakah pihak kementerian akan memastikan simen senang dibeli kalau perlu dengan harga kawalan sebanyak RM9.30 sebeg di Melaka seperti yang ditetapkan. Kalau tidak, mengapakah pihak kementerian tidak menjalankan pengimportan simen untuk memenuhi permintaan pihak kontraktor. Nyatakan keperluan simen (tan metrik dan beg simen) setiap hari di Melaka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Datuk Haji Isahak pada 16hb Ogos, Yang Berhormat Tuan Lim Si Cheng pada 21hb Ogos.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, harap jangan baca nama. Bacakan kawasan mereka.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 24.8.95 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dan mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi kekurangan bekalan simen semasa yang dihadapi oleh semua negeri, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Ralam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menetapkan kuota edaran simen bulanan bagi tiap-tiap mulai 1hb Ogos, tahun ini. Sebagai contoh, bagi negeri Melaka sahaja kuota yang ditetapkan

adalah sebanyak 21,244 tan Tasek Simen Bhd., 300 tan metrik oleh SIMA Bhd., 5,910 tan metrik oleh Kedah Simen Sdn. Bhd., 1,000 tan oleh Tenggara Simen Sdn. Bhd. dan 3,980 tan metrik oleh Perak Hanjoon Sdn. Bhd.

Dengan adanya sistem kuota ini, bekalan simen dapat diagihkan ke semua negeri secara lebih efficient dan dapat memastikan bekalan dapat diperolehi dengan mudah. Oleh kerana simen merupakan barangan kawalan di bawah Akta Bekalan 1991, kerajaan akan memastikan harga jualan selari dengan harga kawalan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Seterusnya kerajaan juga membenarkan pengimportan simen ke negeri-negeri Semenanjung Malaysia tanpa sebarang kawalan semenjak tahun 1992 lagi. Dengan kelonggaran ini, siapa sahaja boleh mengimport simen ke Semenanjung Malaysia tanpa perlu terlebih dahulu mendapatkan lesen import atau approved permit, dengan izin, daripada kementerian ini. Walau bagaimanapun simen-simen yang diimport perlulah menepati piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan. Ini adalah untuk memastikan bahawa ianya tidak menjejaskan industri pembinaan dan mengelak dari terjadinya perkara-perkara yang tidak diingini. Bagi Sabah dan Sarawak pula, kawalan perlesenan import masih dikuatkuasakan, tetapi permohonan boleh mendapat lesen import secara automatik dari pejabat-pejabat cawangan MITI di Sabah dan di Sarawak.

Mengenai langkah kementerian untuk memasukkan simen di bawah skim CEPT, adalah dimaklumkan pada masa ini simen diletakkan di bawah senarai pengecualian sementara, iaitu

temporary exclusion list, dengan izin, di bawah skim Common Effective Preferential Tariff (CEPT), dengan izin. Bahkan ini hanya akan dimasukkan ke dalam skim CEPT selewat-selewatnya pada 1hb Januari, 2000.

Tuan Yang di-Pertua, permintaan simen pada tahun 1993 adalah sebanyak 8.8 juta tan metrik. Jumlah ini terus meningkat kepada 9,91 juta tan metrik pada tahun 1994 dan dijangka mencapai 11.35 juta tan metrik pada 1995. Peningkatan ini adalah hasil kepesatan pertumbuhan ekonomi dan pelaksanaan berbagai projek infrastruktur utama dan projek-projek gergasi di seluruh negara.

Pengeluaran simen dalam negeri pula adalah sebanyak 8.8 juta tan metrik pada tahun 1993, 9,97 juta tan metrik pada tahun 1994 dan dianggarkan meningkat kepada 11.13 juta tan metrik pada tahun 1995. Disebabkan permintaan yang tinggi berbanding jumlah pengeluaran pada tahun 1995, negara akan mengalami kekurangan sebanyak 220 juta tan metrik simen.

Pada masa ini, terdapat 22 buah syarikat yang telah diluluskan lesen pengilang untuk mengeluarkan simen. Akan tetapi, hanya 10 buah syarikat sahaja yang beroperasi, sedangkan sebanyak 12 buah syarikat lagi masih belum melaksanakan projek mereka sepenuhnya. Di samping itu pula, daripada 10 buah syarikat yang sedang beroperasi, 6 buah syarikat telah diluluskan lesen untuk melaksanakan projek pembesaran. Pada masa ini, kerajaan tidak membekukan pemberian lesen-lesen pengilang kepada mana-mana pihak yang ingin melabur dalam industri simen dan mana-mana pihak yang mendapat lesen

layak menerima insentif elaun cukai pelaburan sebanyak 60%. Akan tetapi, projek-projek simen ini hendaklah dibuat secara bersepadu, iaitu integrated, dengan izin, dan ini adalah untuk mengelakkan kesukaran untuk mendapatkan klinker.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kenapakah harga simen naik 10% sebagaimana yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri kelmarin. Apakah faktor-faktor yang sebenarnya, sedangkan negara-negara jiran, kita rasa harga simen tidak dinaikkan, bahkan harganya masih lebih murah daripada harga simen yang belum dinaikkan harga oleh negara kita?

Yang kedua, apakah kerajaan tidak ada hasrat untuk menarik balik senarai harga simen itu daripada termasuk daripada senarai barang-barang kawalan?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa projek-projek industri simen berintensifkan modal pelaburan adalah besar untuk mengeluarkan 1.2 juta tan metrik akan menelan belanja sebanyak M950 juta dan pulangan terhadap pelaburan adalah rendah dan memerlukan tempoh yang panjang. Harga simen tidak dinaikkan semenjak tahun 1981 lagi. Keputusan kerajaan untuk menaikkan harga simen ini adalah dengan harapan bahawa peningkatan pulangan terhadap pelaburan iaitu jumlah pulangan daripada modal yang begitu besar tadi dapat mendorong syarikat-syarikat sedia ada untuk menyegerakan pelaksanaan projek-projek pembesaran dan dapat mendorong syarikat-syarikat baru melaksanakan projek mengikut jadual.

Seperti yang saya sebut tadi beberapa syarikat belum beroperasi lagi.

Masalah kedua ialah ketidakminatan syarikat-syarikat tempatan untuk mengimport simen daripada luar atas sebab bahawa harga simen luar lebih tinggi daripada harga simen tempatan. Maksudnya ia tidak kompetitif. Kenaikan harga simen yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita semalam bertujuan untuk dengan harapan bahawa kenaikan ini, pengusaha-pengusaha dan pengedar-pengedar dapat mengimport simen-simen kerana ianya sekarang ini lebih kompetitif daripada yang sedia ada. Mengenai soalan kedua tadi saya tidak dengar, Tuan Yang di-Pertua, minta dia ulangi soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenan dengan.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Minta dia tarik balik. Adakah tidak hendak ditarik balik daripada kawalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kalau kawal pun tak ada guna juga, dia naik juga, lebih tak usah kawal. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat! Yang Berhormat dari Tumpat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Jangan loyar buruk!

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan ialah untuk memastikan bahawa tumpuan diberikan untuk kepesatan ekonomi, bukannya untuk

menahan atau mendesak syarikat-syarikat swasta untuk mengeluarkan simen untuk mengatasi masalah ini.

Masalah harga simen tadi di bawah kawalan Akta Bekalan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya rasa untuk melindungi industri simen tempatan, di mana kita sekarang ini berusaha untuk memastikan syarikat-syarikat yang diluluskan lesen untuk mengeluarkan simen ini harus dipelihara dan saya rasa kerajaan masih lagi berpandangan bahawa ianya diperlukan.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan tidakkah tindakan membenarkan kenaikan harga simen ini merupakan satu tindakan yang tidak selaras dengan dasar anti inflasi kita?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, daripada tinjauan yang telah dibuat, peningkatan harga simen ini tidak menjejaskan kos-kos keseluruhan dari segi industri pembinaan seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita bahawa dalam sektor rumah kos rendah sahaja, anggaran kos bertambah daripada kenaikan harga simen tadi hanya berjumlah RM212 untuk kos projek yang berjumlah RM25,000.

Keduanya, untuk rumah kos sederhana, penambahannya hanya RM552 untuk projek RM80,000. Saya ingin menegaskan di sini bahawa adalah tujuan kerajaan untuk mengambil tindakan yang begitu tegas kepada mereka yang ingin mengambil kesempatan ini, mengambil ruang ini untuk menaikkan harga pasaran barangan semasa.

HAIWAN TERNAKAN—JUMLAH

4. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah haiwan ternakan seperti lembu, kerbau, kambing dan biri-biri yang dipelihara di Semenanjung Malaysia mengikut negeri-negeri bagi tahun 1990 hingga 1995; dan
- (b) daripada jumlah haiwan ternakan yang dipelihara di Malaysia ini adakah ianya mampu menampung bekalan daging yang mencukupi kepada penduduk.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah haiwan ternakan lembu, kerbau, kambing dan bebiri yang dipelihara di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1990 hingga 1994 adalah seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah jawapannya?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Ini yang pendek.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek ya?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Ya! Saya akan hantar jawapannya dengan surat nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tahun 1990—744,015 ekor kerbau/lembu dan kambing/bebiri—481,668 ekor. Dan pada tahun 1994—778,727 ekor kerbau/lembu dan kambing/bebiri—486,105 ekor.

Perangkaan ternakan terperinci bagi kerbau, lembu, kambing dan bebiri untuk tahun 1990 hingga 1994 mengikut negeri adalah terlalu panjang untuk diberi dan oleh itu saya mohon izin untuk perangkaan ini dikemukakan secara bertulis.

- (b) Dengan jumlah ternakan tersebut, ianya mampu membekal sebanyak 21% permintaan daging lembu dan 6.6% sahaja daging kambing bagi tahun 1994. Bagi daging ayam, pengeluaran tempatan menepati iaitu 115% daripada permintaan tempatan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Speaker, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan kepada jawapan yang kedua tadi, bagi daging lembu dan kambing, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan supaya pembekalan daging-daging dapat memenuhi keperluan rakyat penduduk di negara ini?

Tuan Speaker, yang kedua, nampaknya data-data yang disebut itu hanya bagi Semenanjung, adakah terdapat data-data bagi negeri Sabah dan Sarawak?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa sejak tahun 1990 hingga 1994 ada menunjukkan peningkatan bilangan pada kadar 5.6% untuk lembu dan 10% untuk bebiri. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak berpuas hati dan kita telah membuat program perkembangan perusahaan ternakan lembu, kerbau, kambing, bebiri iaitu terutamanya dengan cara projek integrasi tanaman kekal. Ini bermakna ternakan bersama-sama dengan ladang sawit adalah

digalakkan untuk pada masa yang akan datang ini. Perangkaan yang dikehendaki tadi, hanya untuk Semenanjung sahaja iaitu mengikut Semenanjung Malaysia sebagaimana yang dipohon tetapi kita ada perangkaan untuk negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Speaker, soalan tambahan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, adakah kerajaan sedar bahawa kadang-kala bekalan daging menjadi terjejas terutamanya di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand disebabkan oleh haiwan-haiwan yang berkenaan terkena penyakit kuku. Apakah jaminan kerajaan supaya daging-daging yang dibekalkan itu merupakan daging-daging daripada haiwan ternakan yang sihat?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, saya memang memberi jaminan bahawa daging-daging yang dibekalkan ke seluruh negara adalah selamat dan setiap penyembelihan yang hendak dilakukan itu mestilah diadakan di rumah-rumah sembelih yang sebelum itu disahkan kesihatannya oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan masing-masing. Jadi, saya rasa sehingga ini kawalan ketat telah dan sedang dijalankan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan supaya pemindahan lembu-lembu dari satu kawasan, dari satu negeri ke negeri yang lain adalah dikawal ketat dan selepas dipastikan kesihatannya memuaskan baharulah dibenarkan. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak usah ragu kerana daging-daging yang ada di pasaran itu memang diakui dalam keadaan yang sihat.

PEMBETUNGAN— PERKHIDMATAN OLEH INDAH WATER KONSORTIUM

5. Tuan Lim Si Cheng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) setakat hari ini, apakah jumlah kawasan perbandaran yang telah diambil alih oleh Indah Water Konsortium (IWK) dalam usaha perkhidmatan pembedungan;
- (b) apakah langkah-langkah atau tindakan yang boleh diambil oleh orang ramai yang tidak berpuas hati dan yang ingin membuat aduan terhadap IWK dari segi ketidakcekapan perkhidmatan pembedungan yang diberikan khususnya di kawasan-kawasan perumahan kos rendah dan kos sederhana; dan
- (c) apakah mekanisme-mekanisme pengawasan yang telah digunakan untuk memastikan bahawa IWK akan sentiasa memberi khidmat yang cekap walaupun ia telah diswastakan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 1hb Ogos tahun ini sejumlah 94 buah perkhidmatan pembedungan Pihak Berkuasa Tempatan telah diambil alih oleh Indah Water Konsortium dan ini meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, negeri Kedah, Perlis, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Kelantan.

- (b) Orang ramai tidak kira sama ada mendiami rumah kos rendah, sederhana atau tinggi yang tidak berpuashati dengan perkhidmatan IWK boleh membuat aduan secara bertulis kepada Jabatan Perkhidmatan Pembedungan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya tindakan susulan dapat diambil. Dalam masa yang sama juga sekiranya orang ramai mengalami masalah terhadap sistem pembedungan, aduan boleh dibuat dengan menelefon nombor bebas Toll 8003495.
- (c) Selain daripada Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993 dan penubuhan Jabatan Perkhidmatan Pembedungan untuk mengawalselia Indah Water Konsortium (IWK), perjanjian konsesi yang ditandatangani antara kerajaan Persekutuan dan IWK merupakan salah satu daripada mekanisma untuk mengawasi IWK. Perjanjian tersebut menyneraikan janji IWK untuk mengadakan perkhidmatan pembedungan seluruh negara dan kegagalan IWK memenuhinya boleh mengakibatkan syarikat itu didenda atau didakwa.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkhidmatan yang dibuat oleh Indah Water Konsortium (IWK) dan juga bayaran yang dikenakan kepada para pengguna, mengapakah pihak kerajaan membenarkan kadar bayaran yang dikenakan berbeza-beza atau berpilih-pilih di antara pengguna dari sektor industri dan perniagaan berbanding

dengan pengguna-pengguna dari sektor kediaman individu?

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana baru-baru ini Yang Berhormat Menteri mengumumkan bahawa diskaun akan diberikan kepada sektor perniagaan dan industri sebanyak RM300 juta selama tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kenapakah diskaun yang serupa ini tidak diberikan kepada kediaman individu? Itu yang pertama.

Yang kedua, mengapakah juga keistimewaan yang diberikan kepada kilang-kilang di mana mereka tidak perlukan 'disludging', dengan izin, tentang 'septic tank' ini, dan kalau tidak perlukan 'disludging', tidak payah membuat bayaran kepada IWK, mengapakah keistimewaan ini juga tidak diberikan kepada kediaman individu? Mengapakah ada 'double standard' serupa itu? Bolehkah ini diseragamkan?

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soal double standard tidak timbul di sini. Bayaran yang dikenakan ialah dua jenis, satu untuk pengguna domestik, satu bukan domestik. Jadi, kerajaan setelah menerima rungutan daripada pengguna-pengguna bukan domestik dan membuat kajian dengan teliti, maka didapati adalah wajar memberikan potongan selama tiga tahun bagi pengguna-pengguna bukan domestik iaitu industri dan perniagaan. Jadi, untuk pengguna-pengguna domestik, bayarannya ialah di antara RM2 hingga RM10 secara purata. Jadi, ini adalah didapati berpatutan dan wajar, jadi tidak perlu diberikan potongan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa membentangkan Akta ini

dalam Parlimen pada penggal lepas, Yang Berhormat Menteri ada memberi jaminan bahawa pelaksanaan di kawasan-kawasan Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran di negeri-negeri bahawa rujukan akan dibuat kepada kerajaan negeri dan Majlis Daerah dan Perbandaran berkenaan dahulu sebelum pelaksanaan oleh pihak syarikat IWK tersebut. Tadi ada Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa beberapa Majlis Daerah di negeri Kelantan termasuk dalam pelaksanaan yang sedang dirancangkan ini. Soalan saya, adakah setakat ini kerajaan negeri sudah dirundingi? Dan jika dirundingi adakah mereka memberi persetujuan secara positif tentang penerimaan syarikat berkenaan untuk melaksanakan sistem pembedugan dalam Majlis Daerah di negeri Kelantan?

Dato' Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, semua kerajaan negeri telah bersetuju untuk melaksanakan sistem pembedugan di seluruh negara dan persetujuan itu diberikan dalam mesyuarat MNKK iaitu Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan, termasuk Kelantan juga.

PENGALIRAN WANG KELUAR MELALUI PEKERJA ASING—TINDAKAN MENYEKAT

6. Tuan Ruhainie bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian akan menggubal beberapa strategi tertentu untuk menyekat pengaliran keluar RM2,400 juta setahun ke negara-negara asal pekerja asing yang bekerja di Malaysia sekarang.

16.8.95

23. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan agar wang

yang dianggarkan sejumlah RM2.4 bilion yang keluar dari negara ini setiap tahun melalui lebih kurang 1 juta pekerja asing dapat dikurangkan.

22.8.95

33. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi wang Malaysia keluar negara melalui pekerja asing; dan
- (b) apakah program jangka panjang yang dijalankan agar rakyat Malaysia dapat menggantikan tempat pekerja asing ini.

34. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada sedar negara mengalami kerugian besar dalam ekonomi dan pusingan wang dalam negeri berikutan dengan pengaliran wang keluar sejumlah RM2.4 bilion setiap tahun disebabkan kemasukan pekerja asing yang bertambah dan membawa balik wang ke negara asal mereka. Sila nyatakan apakah rancangan konkrit bagi menyekat pengaliran wang keluar dengan jumlah yang demikian besar setiap tahun.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara yang sama juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang pada 16 Ogos, Yang Berhormat dari Sabak Bernam dan Yang Berhormat dari Seputeh pada 22 Ogos, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini serentak sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Wong See Wah: Terima kasih. Kerajaan memang sedar serta memandang serius terhadap pengaliran

keluar wang negara ke negara-negara asal pekerja asing yang bekerja di Malaysia tetapi kerajaan belum lagi bercadang hendak menyekat pekerja-pekerja asing membawa duit upah mereka balik ke negeri masing-masing.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Kewangan mempunyai langkah-langkah untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja dari negara jiran terutamanya, turut membayar cukai terhadap pendapatan mereka. Misalnya di Sabah, baharu kelmarin kita dapat rekod lebih kurang hampir setengah juta pekerja-pekerja ataupun penduduk di Sabah adalah daripada negara asing yang saya tahu memang bekerja. Jadi, oleh kerana kita khawatir banyak wang yang keluar dari negara ini dan mereka juga menggunakan kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh kerajaan, adakah kita telah memastikan bahawa mereka yang bekerja itu dikenakan cukai seperti juta warganegara Malaysia?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan cukai hasil dalam negeri memang digunakan untuk semua pekerja yang terdapat di dalam negara ini dan kalau mereka telah masuk dalam kawalan atau pun perlindungan itu mereka memanglah dikenakan cukai yang sewajarnya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, apakah rancangan pihak kementerian untuk memastikan bahawa pengaliran keluar tukar wang asing sebanyak RM2.4 bilion ini disekat dengan mengenakan 'user pay' 100% memandangkan sekarang corporation universiti di mana penuntut-penuntut akan dikenakan bayaran penuh. Bolehlah pendaatang-pendatang ataupun pekerja asing ini dikenakan bayaran penuh untuk semua perkhidmatan asas, sama ada dari segi

hospital atau pendidikan untuk anak-anak mereka.

Kedua, adakah pihak kementerian tahu bahawa ada sesetengah pekerja asing telah tidak membayar cukai kerana beberapa kelemahan yang sedia ada atau beberapa peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam undang-undang Hasil Dalam Negeri yang membenarkan mereka mengeluarkan wang 100% tanpa membayar satu sen cukai pun. Adakah pihak kementerian tahu tentang perkara ini dan menerima aduan tentang perkara ini yang berluasa?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, tentang pandangan pertama akan diambil kira dan untuk yang kedua saya rasa itu adalah spekulatif dan sila kemukakan yang lebih spesifik.

TUNTUTAN CUEPACS— KEDUDUKAN TERKINI

7. Tuan Haji Husni bin Hanadzlah minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan terkini rundingan kerajaan dengan CUEPACS tentang tuntutan gaji. Apakah halangan-halangan bagi mencari penyelesaian terhadap tuntutan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, pihak CUEPACS telah mengemukakan memorandum tuntutan pelarasan gaji yang telah disemak semula kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1hb Ogos, 1995 yang lalu. Pihak JPA kini sedang meneliti tuntutan-tuntutan tersebut dari segala aspek iaitu pelaksanaan dan kos tambahan yang akan ditanggung oleh kerajaan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya

ingin mendapat sedikit penjelasan dari Timbalan Menteri yang muda. Sejauh manakah kerajaan berpuas hati tentang produktiviti dan juga prestasi pegawai-pegawai kerajaan pada hari ini?

Soalan kedua, adakah CUEPACS sendiri menggesa ahli-ahlinya supaya membantu kerajaan untuk mempertingkatkan produktiviti dan prestasi mereka kerana kadang-kadang kita tengok masih ramai lagi yang queue di pejabat-pejabat awam?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pada keseluruhannya kerajaan berpuas hati dengan prestasi yang telah ditunjukkan oleh kakitangan kerajaan dan setakat yang kita tahu CUEPACS ada juga membantu supaya pegawai kerajaan menjalankan tugas mereka seperti mana yang dikehendaki oleh kerajaan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jawapan yang diberikan kepada soalan tambahan tadi, bahawa kerajaan berpuas hati dengan prestasi kakitangan kerajaan, bolehkah secara prinsip kerajaan bersetuju untuk menaikkan gaji kakitangan kerajaan tetapi jumlahnya boleh dibincangkan lagi. Yang pertama bolehkah secara prinsip dipersetujui oleh pihak kerajaan?

-Kedua, tentang jumlah tuntutan CUEPACS, apakah kos sebenarnya? Kerana terdapat percanggahan atau pertikaian di antara CUEPACS dengan Perdana Menteri di mana Perdana Menteri menyatakan kalau tuntutan CUEPACS diluluskan negara akan bankrap. Tetapi CUEPACS pula kata hanya RM2.4 bilion sahaja, kalau begitu saya rasa negara tidak akan bankrap. Jadi, apakah kedudukan

sebenarnya dan apakah kos untuk negara dari segi tuntutan CUEPACS supaya rakyat tahu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi menjawab soalan pertama, sepertimana yang telah saya jawab bahawa tuntutan pelaksanaan gaji seperti yang telah dikemukakan oleh CUEPACS sedang disemak dan kita sama-samalah menunggu jawapan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Keduanya, jawapan berkenaan dengan soalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, telah banyak kali dijawab dalam akhbar dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merupakan orang yang bertanggungjawab dan sudah tentulah tidak menipu dalam memberi jawapan.

PROFESION PERGURUAN— LANGKAH UNTUK MENARIK MINAT

8. Dr. L. Krishnan minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kerana kerja berat, tekanan kerja dan skim gaji rendah menjadi faktor-faktor utama yang tidak mendorong ramai yang meminati profesion perguruan yang pada suatu ketika dahulu menjadi profesion yang diminati ramai; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kementerian demi menarik lebih ramai meminati profesion perguruan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat banyak faktor yang menyebabkan profesion perguruan tidak begitu digemari.

Faktor ini berbeza-beza mengikut tempat dan individu-individu yang terlibat.

Untuk mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan perguruan supaya lebih menarik dan diminati.

Antara usaha-usaha tersebut ialah mengadakan skim permulaan gaji tahap diploma, menyediakan rumah guru di tempat-tempat yang diperlukan, memperbaiki persikatan kerja guru, membayar elaun khas bagi mereka yang bertugas di kawasan pedalaman dan meningkatkan peluang untuk berkursus dan melanjutkan pelajaran lebih tinggi bagi guru.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tiap-tiap tahun hampir 100,000 pemohon-pemohon yang ingin menyertai maktab-maktab perguruan dan hanya hampir 9,000 yang layak dipertimbangkan dan mendapat tempat di maktab-maktab perguruan. Ini menjadi bukti konkrit bahawasanya profesion perguruan masih diminati ramai oleh para belia kita. Persoalannya ialah apakah yang telah dilakukan oleh kementerian untuk menyediakan tempat-tempat latihan agar lebih banyak lagi guru-guru dapat dilatih; dan yang kedua, apakah langkah-langkah yang dapat dilakukan dengan lebih berkesan untuk menangani isu-isu kebajikan yang menjadi pokok persoalan masa kini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama ialah usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian bagi cuba menampung permohonan. Memang benar, dari segi permohonan itu banyak tetapi apabila dihalusi, sebenarnya

ramai di antara yang memohon itu tidak memenuhi keperluan-keperluan ataupun syarat-syarat yang dikehendaki. Keseluruhannya gambarannya begitu tetapi ada kalanya dan di satu ketika, kita juga membuat pengambilan dua kali setahun untuk menampung keperluan perkhidmatan perguruan kita dan kita akan cuba memperkemas dan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan yang diperlukan guru-guru yang hendak diterima ini di tempat-tempat yang sedia ada dan mungkin juga tempat-tempat baru yang akan diadakan.

Yang keduanya, dari segi memperkatakan keseluruhan kebajikan guru-guru. Kita telah pun mengumumkan iaitu sebuah pasukan petugas telah pun ditubuhkan dan dipengerusikan oleh seorang yang mahir tentang sudut-sudut ataupun hal ehwal perguruan ini iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Rahman Arshad. Dan pasukan petugas ini telah pun diberi satu bidang tugas yang difikirkan munasabah untuk mereka mengkaji keseluruhan senerio perkhidmatan perguruan itu dan kita juga telah memberi pendekatan secara segera dan secara jangka panjang supaya masalah-masalah kebajikan guru-guru yang perlu diatasi dengan cepat dan tepat dapat diuruskan dengan seberapa cepat yang boleh dan mana-mana perkara yang memerlukan tindakan jangka panjang itu diurus dengan cermat dan kita harap dengan cara pendekatan ini, kita akan dapat cuba mengatasi masalah-masalah itu dengan sebaiknya.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kekurangan minat terhadap profesion perguruan ini hanya berlaku di kalangan kaum lelaki sahaja

memandangkan jumlah guru-guru perempuan melebihi guru-guru lelaki dikebanyakan sekolah?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang benar sejak kebelakangan ini kita perhatikan lebih ramai kumpulan ataupun pemohon-pemohon terdiri daripada wanita untuk menyertai perkhidmatan perguruan. Soalnya ialah pihak lelaki mempunyai banyak pilihan yang ada pada dia dan dia hendak cuba memilih yang terbaik. Namun demikian, macam saya katakan tadi pokoknya dari segi kementerian, kita menerima sesiapa sahaja pemohon dan kita harap dengan usaha-usaha yang kita buat sekarang ini, ianya akan dapat menarik minat semua lapisan pemohon di masa-masa yang akan datang.

**BAKUN-KUASA/BIDANG
TUGAS/TANGGUNGJAWAB
KOMITI KABINET**

9. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah kuasa, bidang, tanggungjawab dan pencapaian Komiti Kabinet atas Bakun;
- (b) apakah yang telah dilakukan oleh Komiti Kabinet untuk memastikan bahawa projek Bakun yang bernilai RM15 bilion telah mengambil kira faktor persekitaran dan kewangan, selaras akauntabiliti dan ketulusan; dan
- (c) sebab mengapa Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding telah menandatangani surat penyerahan kuasa dan yuridiksi Jabatan Persekitaran (DOE) kepada Badan Sumber Semulajadi dan Persekitaran

Sarawak (Sarawak Natural Resources and Environment Board) sebagai pihak berkuasa meluluskan EIA Bakun yang muktamad di dalam pengumuman warta yang bertarikh 27.3.95 tanpa sebarang notis atau perbincangan, sama ada dari pihak awam ataupun Parlimen.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet mengenai Projek Hidroelektrik Bakun telah ditubuhkan pada 1hb Februari 1994.

Kuasa, bidang tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (i) menentukan dasar berhubung dengan pembangunan sektor hidro di Malaysia dan memberi nasihat yang sewajarnya kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak;
- (ii) memastikan bahawa semua kerja-kerja pembinaan empangan dan sistem penghantaran atau, dengan izin, transmission component dilaksanakan dalam tempoh masa yang dirancangan;
- (iii) memastikan semua agensi kerajaan yang terlibat dengan projek tersebut memberi kerjasama dan bantuan dalam apa jua bentuk;
- (iv) memutuskan segala isu dan masalah yang tidak dapat diselesaikan di Jawatankuasa Tertinggi peringkat pegawai dan Jawatankuasa-jawatankuasa yang lain bersabit dengan pelaksanaan projek ini;

- (v) memastikan kerjasama yang wajar diperolehi dari badan-badan negeri bagi mendapatkan pulangan maksimum dari pengurusan pembangunan Projek Hidroelektrik Bakun; dan
- (vi) memastikan rancangan-rancangan penempatan semula bagi mereka yang terlibat dengan projek ini berjalan dengan lancar.

Pencapaian Jawatankuasa sehingga kini bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- (i) menyelaraskan isu-isu perancangan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri misalnya mengenai Rancangan Penempatan Semula Penduduk di kawasan yang terlibat;
 - (ii) menyelaraskan isu-isu perancangan teknikal dan kewangan di antaranya melantik sebuah juruperunding antarabangsa iaitu Harza Engineering Company International bagi menasihati kerajaan termasuklah di dalam aspek-aspek risiko kewangan dan keselamatan empangan; dan
 - (iii) menyelaraskan rancangan dari segi penubuhan sebuah konsortium bagi melaksanakan projek ini secara penswastaan.
- (b) Projek Hidroelektrik Bakun ini dirancang selaras dengan keperluan Tenaga Elektrik Negara pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, bagi memastikan bahawa Projek Bakun ini mengambil kira faktor persikataran, kewangan serta mencapai kriteria akauntabiliti dan ketelusan, Jawatankuasa

Kabinet telah menentukan kriteria-kriteria bagi meminimumkan kesannya terhadap alam sekitar dan laporan kajian EIA yang telah dijalankan itu dipamerkan untuk pengetahuan umum kerana tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan oleh pihak kerajaan mengenai perkara ini.

Sehubungan dengan ini, Jawatankuasa juga telah pun mengadakan dialog dengan ketua-ketua kaum yang terlibat dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) bagi mendapatkan dan mengambil kira pandangan mereka terhadap isu-isu yang berkaitan dengan projek ini.

Selain dari itu juga, Jawatankuasa Kabinet telah mengarahkan supaya suatu risalah khas yang mengandungi maklumat-maklumat asas dari aspek teknikal dan sosio-ekonomi projek ini disediakan dan diedarkan untuk makluman orang ramai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, risalah khas ini akan disempurnakan tidak lama lagi.

- (c) Adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menyerahkan kuasa dan yurisdiksi Jabatan Alam Sekitar kepada Lembaga Sumber Asli dan persekitaran Sarawak atau dengan izin, NREB. Sebenarnya, pewartaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1995 yang dibuat pada 27hb Mac 1995 oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah bertujuan

untuk mengelakkan pertindihan pelaksanaan prosedur EIA berhubung dengan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan di dalam kedua-dua senarai perintah EIA dan perintah Natural Resources and Environment (NREB) Sarawak.

Pindaan ini membolehkan pencadang projek hanya mengemukakan laporan EIA kepada NREB sahaja dan mengelakkan dari sebarang duplikasi yang boleh membeban dan melewatkan pelaksanaan projek ini.

Walau bagaimanapun, saya hendak menegaskan di sini, pihak NREB masih perlu mematuhi standard kawalan dalam alam sekitar yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Untuk memastikan bahawa pihak NREB memenuhi dan mematuhi standard-standard yang saya katakan tadi, Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling adalah dikehendaki menduduki dalam Lembaga NREB. Manakala isu ianya diwartakan tanpa sebarang notis atau perbahasan, sama ada dari pihak awam ataupun Parlimen, tidak timbul sama sekali kerana proses pewartaan perintah itu adalah teratur dari segi perundangan mahu pun tatacara pentadbiran sedia ada.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai kriteria akauntabiliti dan ketelusan Projek Bakun, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kenyataan Menteri semalam

mengenai Bakun kurang ikhlas dan jujur oleh kerana ada mengelirukan Dewan yang mulia ini dalam berbagai aspek.

Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa isu Projek Bakun ini, keputusannya ditangguhkan oleh Kabinet Kerajaan pada tahun 1987 dan 8hb September 1993, keputusan ada dibuat oleh Kabinet untuk meneruskannya. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Kabinet pada bulan Mei, 1990 ada membuat satu keputusan untuk membatalkan Projek Bakun atas isu-isu mahu mempertahankan alam sekitar? Kenapa isu perkara ini yang begitu mustahak ditinggalkan dan bukannya ini bercanggah dengan kriteria akauntabiliti dan ketelusan?

Kedua, bilakah kerajaan akan menunaikan jaminan yang ada dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Bakun yang dibuat kepada NGOs bulan lalu bahawa kerajaan akan mengumumkan semua kajian yang ada disebut oleh Yang Berhormat Menteri semalam—9 kajian dibuat, akan mengumumkan semua kajian ini untuk pengetahuan orang ramai. Hampir satu bulan kajian-kajian ini belum dibuat dan akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah tanya dua soalan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tanya dah dua soalan tadi. Cukuplah!

Tuan Lim Kit Siang: Dua sahaja? Okay.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang disuarakan

oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyatakan bahawa kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos semalam di Dewan yang mulia ini adalah tidak ikhlas dan tidak jujur—kurang ikhlas dan kurang jujur. Ini merupakan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sahaja dan tidak akan disetujui oleh rakan-rakan saya dari Dewan yang mulia ini. *(Ketawa)*

Kerajaan membuat keputusan untuk meneruskan dengan pelaksanaan rancangan Hidroelektrik Bakun adalah kerana setelah memberi perhatian yang begitu serius kepada permintaan tenaga pada tahun-tahun yang akan datang. Oleh kerana negara kita telah mengalami perkembangan ekonomi yang begitu pesat, maka cuma dengan pelaksanaan Projek Bakun, baru kita dapat memenuhi permintaan dalam tahun-tahun yang akan datang.

Sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri semalam di Dewan yang mulia ini, pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun ini cuma meliputi kawasan sebanyak 0.5% daripada jumlah keluasan negeri Sarawak sahaja. Maka dari segi ini, ia tidak akan mendatangkan impak yang begitu.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan jawapan kepada soalan tambahan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.....

Dato' Chan Kong Choy: Saya hendak menjelaskan.....

Tuan Lim Kit Siang: *(Menyampuk)*

Dato' Chan Kong Choy: Saya hendak menjelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan terus kepada soalan tambahan saya.

Dato' Chan Kong Choy: Kita hendak.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau saya tanya, itu hal yang lain *(Disampuk)*

Dato' Chan Kong Choy: Maka kita hendak.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya faham.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila teruskan ya.

Dato' Chan Kong Choy: Maka kita mengambil keputusan untuk meneruskan dengan pelaksanaan Projek Bakun ini.

Berkenaan dengan jaminan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada NGO bahawa segala kajian akan diumumkan kepada orang ramai, saya hendak mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini memberikan jaminan bahawa jaminan yang disuarakan dan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini akan ditunaikan. Ini memang merupakan tradisi Barisan Nasional. *(Tepuk)* Terima kasih.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Bakun adalah penting untuk Sarawak dan penting untuk Malaysia. Saya ingin meminta jawapan kepada dua soalan. Soalan yang pertama, apakah jaminan kerajaan agar pelaksanaan Projek Bakun ini tidak ditangguh atau ditunda oleh kerana tekanan mana-mana pihak termasuk DAP atau pembangkang yang lain yang tidak melihat manfaat yang bakal diterima daripada projek ini nanti?

Soalan yang kedua, berapa banyakkah komiti-komiti yang terlibat

ataupun badan-badan tertentu terlibat yang diiktiraf oleh pihak kerajaan di peringkat pusat, peringkat negeri dan setempat untuk pelaksanaan Projek Bakun ini supaya tidak lambat, tertunda ataupun ditangguhkan dan apakah penyelarasan dibuat supaya perkara-perkara tersebut tidak berlaku?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, pihak kerajaan juga hendak memberikan jaminan di sini bahawa kita akan meneruskan Projek Bakun tidak kira apa masalah yang kita hadapi. Tetapi pihak Kerajaan Barisan Nasional merupakan sebuah kerajaan yang terbuka. Kita sedia berunding dengan mana-mana pihak yang dapat mengemukakan pandangan-pandangan ataupun cadangan-cadangan secara membina.

Pihak kerajaan sedia bertemu dengan sesiapa pun yang sedia mengemukakan pandangan dan cadangan secara membina. Maka, oleh kerana menjaga kepentingan negara dan rakyat, pihak kerajaan akan terus melaksanakan Projek Bakun dan memastikan bahawa ia akan disempurnakan pada tahun 2003.

Untuk menjawab soalan kedua, Yang Berhormat bertanya berapa badan yang terlibat dalam penyelarasan; maka saya akan memberikan jawapan secara bertulis kerana memang banyak jawatankuasa yang terlibat dalam perkara ini.

**LEBUHRAYA GENTING
HIGHLANDS—FRASER'S HILL—
CAMERON HIGHLANDS—
PELAKSANAAN**

10. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah lebuhraya Genting Highlands—Fraser's Hill—Cameron Highlands akan dilaksanakan;
- (b) adakah butiran muka bumi mengikut cara "Airborne Laser Terrain Profiling" (ALTP) boleh diterima untuk reka bentuk jalan raya jika dibandingkan dengan butiran mengikut cara mengukur konvensional; dan
- (c) berapa projek yang telah dijalankan mengikut teknologi "ALTP" di kawasan berbukit dan dipenuhi hutan tebal setelah ukuran "ALTP" untuk laluan Genting Highlands—Fraser's Hill—Cameron Highlands dijalankan.

Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek Lebuhraya Genting Highlands—Fraser's Hill—Cameron Highlands masih dalam pertimbangan kerajaan untuk dilaksanakan.
- (b) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah memberi perakuan bahawa butiran muka bumi mengikut cara Airborne Laser Terrain Profiling, dengan izin, boleh digunakan untuk kerja-kerja reka bentuk jalan bagi projek ini.
- (c) Setakat ini sistem ALTP hanya digunakan untuk laluan Genting Highlands—Fraser's Hill—Cameron Highlands. Pada masa ini tidak terdapat projek jalan lain yang memerlukan penggunaan sistem ALTP. Kajian stabiliti dan juga langkah-langkah pencegahan

jangka panjang di Lebu Raya Timur-Barat ada menggunakan teknologi ALTP untuk mendapatkan butiran bagi cerun dan jalan sedia ada yang berbukit tetapi kawasan berkenaan tidak dipenuhi hutan tebal.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana predecessor Yang Berhormat Menteri dalam tahun lalu ada membuat satu pengumuman bahawa cadangan lebu raya yang menghubungkan tiga pusat peranginan utama di Banjaran Titiwangsa yang ada disebut sebagai Highland Skyway sudah diluluskan oleh Kabinet, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kedudukan, adakah ini bererti bahawa projek ini sudah dibekukan selepas bencana keruntuhan Genting Highlands? Kalau begitu, siapa yang menjalankan kajian?

Kedua, adakah kerajaan sedar mengenai bantahan-bantahan terhadap Highland Skyway ini, khasnya termasuk WWF oleh kerana ia mempunyai potensi untuk menjadi bencana alam sekitar yang mungkin membawa kesan buruk ke atas seluruh negara.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus menjalankan beberapa kajian berkenaan dengan projek ini. Kerajaan juga serius untuk melaksanakan projek ini, tetapi kerajaan mengambil kira semua pandangan daripada pihak-pihak yang sedang dan akan menghantar berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka seperti apa yang dinjatakan. Tetapi bagi pihak kerajaan, saya suka menjawab bahawa kerajaan sendiri iaitu Jemaah Menteri telah memutuskan supaya kajian EIA mesti

dijalankan terlebih dahulu sebelum kita menjalankan apa-apa kerja ke atas projek ini.

SURI RUMAH MEMASUKI PASARAN BURUH—TARIKAN

11. Dr. Yap Yit Thong minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah dilakukan untuk menarik suri-suri rumah sepenuh masa masuk ke pasaran buruh; dan
- (b) adakah peruntukan-peruntukan dalam Akta Buruh mereka bekerja secara sambilan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kerajaan menjalankan berbagai usaha untuk menarik bukan sahaja suri-suri rumah sepenuh masa tetapi juga wanita umumnya untuk memasuki pasaran buruh. Di antara usaha-usaha yang giat dijalankan itu termasuklah:
 - (i) menyeru sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat-tempat pekerjaan atau di tempat berhampiran. Majikan layak mendapat insentif pelepasan cukai bagi kos pembinaan PKK tersebut;
 - (ii) memberi kelulusan kepada majikan mengadakan syif malam iaitu 10 malam hingga 6 pagi untuk pekerja wanita. Syarat yang dikenakan adalah majikan hendaklah menyediakan pengangkutan percuma dan memberi elau syif kepada pekerja-pekerja terbabit;

- (iii) menggalakan majikan-majikan menyediakan asrama untuk pekerja-pekerja khususnya pekerja-pekerja wanita, supaya pekerja-pekerja tersebut yang datang dari jauh akan terus bekerja dengan adanya penginapan yang sempurna dan selamat;
- (iv) menggalakkan majikan menubuhkan bahagian kaunseling di tempat kerja untuk kaum wanita khususnya diberi kaunseling mengenai pekerjaan dan peraturan kerja. Di samping itu, nasihat untuk mengatasi masalah-masalah peribadi yang wujud akibat bekerja, misalnya berkaitan dengan "dual-role" suri rumahtangga dan pekerja akan diberi tumpuan; dan
- (v) menggalakkan majikan memberi kerja-kerja tertentu kepada suri rumah untuk dilakukan di rumahnya sendiri di bawah konsep "homework".
- (b) Peruntukan-peruntukan di dalam Akta Kerja 1955 tidak membezakan di antara pekerja sepenuh masa atau pekerja yang bekerja secara separa masa (part-time) terhadap hak-hak menikmati sepenuhnya faedah dan perlindungan yang diperuntukkan. Disebabkan keadaan ini, majikan lebih gemar mengambil pekerja sepenuh masa. Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji kemungkinan meminda Akta tersebut untuk memantapkan lagi peruntukan-peruntukan

berkaitan khususnya bagi menggalakkan majikan supaya berminat menggaji pekerja-pekerja bekerja secara separa masa atau melaksanakan waktu kerja anjal (flexi-time). Dalam masa yang sama, faedah dan perlindungan kepada pekerja-pekerja seumpama ini akan dipelihara supaya sama seperti yang dinikmati oleh pekerja-pekerja penuh masa. Langkah tersebut merupakan salah satu usaha kerajaan menarik lebih banyak tenaga buruh, khususnya tenaga buruh wanita untuk memasuki pasaran buruh.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 90 akan dijilid dalam buku berasingan).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PUTRAJAYA 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.37 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperbadankan Perbadanan Putrajaya dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berikutan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini

bertujuan mewujudkan sebuah badan berkanun Kerajaan Persekutuan yang akan dikenali sebagai Perbadanan Putrajaya khususnya untuk mentadbir dan menguruskan kawasan Perbadanan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, bandaraya Kuala Lumpur yang merupakan ibu kota Persekutuan telah berkembang dengan begitu pesat sekali dari sebuah pusat pentadbiran bagi Kerajaan Persekutuan, ia kini telah menjadi sebuah pusat dagangan yang terbesar di Malaysia. Dalam pada itu, ia masih perlu berlumba dan bersaing dengan ibu kota negara-negara jiran untuk menarik lebih banyak syarikat dagangan yang besar mendirikan regional headquarters mereka di sini. Memandangkan bahawa Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan mempunyai kawasan yang terhad, adalah sukar baginya membesar untuk memberi tempat dan kesesuaian kepada aktiviti-aktiviti komersil yang semakin rancak. Kualiti hidup di Kuala Lumpur juga akan menurun jika ia terlalu sesak dengan bangunan-bangunan dan kesibukan kenderaan.

Aktiviti komersil tidak mudah dipindah-pindahkan kerana ini adalah bidang swasta. Lagi pun kerajaan berpendapat tumpuan kepada Kuala Lumpur oleh syarikat-syarikat gergasi adalah penting jika ianya hendak mendapat pengiktirafan oleh dunia antarabangsa sebagai sebuah daripada bandar dagangan terkemuka di Asia. Sebaliknya kerajaan adalah lebih mudah membuat keputusan berkenaan dengan lokasi pejabat-pejabatnya. Pada masa ini pejabat-pejabat Kerajaan Pusat bertaburan di banyak lokasi di Kuala Lumpur dan banyak pula daripada pejabat ini disewa daripada pihak swasta. Dengan itu, kementerian-kementerian terpaksa berkongsi ruang

dengan penyewa-penyewa lain. Dengan sensitifnya urusan-urusan kerajaan, keadaan ini tidaklah begitu baik. Setelah beberapa tahun perbincangan, kerajaan membuat keputusan untuk memindahkan beberapa aktiviti pentadbirannya ke sebuah pusat khas. Daripada beberapa tempat yang dikaji dan ditinjau di Selangor, Negeri Sembilan dan Perak, kerajaan telah memilih Prang Besar di Selangor kerana ianya dekat dengan Kuala Lumpur dan terletak di antara Kuala Lumpur dengan lapangan terbang yang baru di Sepang dengan jarak yang lebih kurang sama.

Pusat pentadbiran ini dirancang untuk menjadi sebahagian daripada Multimedia Super Corridor yang menyambungi lapangan terbang antarabangsa baru di selatan dan Kuala Lumpur di utara dengan mempunyai semua kemudahan telekomunikasi yang tercanggih dan terkini. Pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan ini diberi nama Putrajaya bagi mengingati Bapa Malaysia, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, konsep perancangan pembangunan Putrajaya akan dilandaskan kepada prinsip jalinan 3 hala iaitu hubungan manusia dengan penciptanya, manusia dengan manusia dengan alam sekitar. Berdasarkan konsep tersebut pembangunan Putrajaya akan memberi pengertian yang luas bagi mengekalkan ekokultur, peka dengan alam sekitar, setiakawan lagi penyanyang. Putrajaya akan diadun berteraskan bandar dalam taman ataupun 'garden city'. Bagi membolehkan ianya berkembang dengan tidak mengganggu alam sekitar serta saling dapat wujud dengan alam semula jadi, bandar ini juga bercirikan bistari ataupun intelligent yang

berbentuk ultra moden. Putrajaya akan menempatkan 76,000 kakitangan kerajaan Persekutuan dengan pembinaan 1.5 juta meter persegi ruang pejabat.

Pembangunan bandar ini akan mengandungi 2 bahagian iaitu (a) kawasan pusat ataupun co-area dan (b) kawasan kejiranan. Kawasan co akan dibahagikan kepada 5-kerajaan, perdagangan, campuran sivik dan kebudayaan dan sukan dan rekreasi. Kawasan kejiranannya pula bagi menempatkan perumahan kemudahan sosial dan kawasan perniagaan. Sejumlah 52,000 unit rumah akan dibina iaitu 17,500 unit untuk perumahan kakitangan kerajaan 17,500 unit untuk dijual kepada kakitangan kerajaan dan selebihnya untuk dijual kepada orang awam. Kerja-kerja pembangunan dijangka akan bermula pada akhir tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh 10 tahun. Pelaksanaan projek akan dibahagikan kepada 2 fasa. Fasa pertama tahun 1995-2000 ialah pembinaan ruang pejabat untuk Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan serta agensi-agensi yang tidak mempunyai bangunan sendiri pada ketika ini. Fasa kedua tahun 2000 sehingga 2005 akan menempatkan agensi-agensi yang kini mempunyai bangunan sendiri.

Kos pembangunan dijangka dalam lingkungan RM20 bilion terdiri daripada antara lain kos pengambilan tanah sebanyak RM700 juta; infrastruktur dan pejabat kerajaan dan kemudahan awam—RM15.29 bilion; perumahan dan perdagangan—RM4.1 bilion. Kerajaan akan menentukan bahawa pembangunan Putrajaya ini tidak akan membebankan kewangan kerajaan dan beberapa pendekatan akan digunakan supaya kerajaan dapat meminimumkan komitmen ke-

wangannya. Sebahagian besar pembiayaannya akan dibuat oleh pihak swasta melalui pendekatan penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan perbadanan Putrajaya ini melibatkan tanah seluas kira-kira 4,400 hektar di dalam daerah Sepang Selangor. Penubuhan perbadanan Putrajaya ini adalah berasaskan kepada Perkara 80(5) dan 92(1) Perlembangan Persekutuan. Mengikut Perkara 80(5) itu perkiraan boleh dibuat antara Persekutuan dan sesuatu negeri bagi pelaksanaan apa-apa tugas oleh pihak berkuasa Persekutuan bagi pihak berkuasa negeri. Berdasarkan itu satu perjanjian telah dimeterai di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor pada 20 Julai 1995 bagi membolehkan Perbadanan Putrajaya menguruskan segala usaha pembangunan serta perkara-perkara yang berkaitan bagi pihak Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan fungsi-fungsi eksekutif, tanah, pembangunan, protokol, fungsi-fungsi pihak berkuasa tempatan dan mana-mana fungsi lain pihak berkuasa negeri. Sebagaimana Ahli-ahli Dewan telah sedia maklum, kerajaan Negeri Selangor telahpun meluluskan suatu enakmen bagi memberi efek kepada perjanjian ini pada 1hb Ogos 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Putrajaya yang bertemakan bandar raya dalam taman, berharmoni dengan alam sekitar, moden serta futuristik dan unik adalah merupakan model pembangunan bandar di peringkat antarabangsa. Ianya menjanjikan alam kehidupan yang selesa, memberangsangkan serta berkualiti bagi memastikan penduduknya menikmati segala yang terbaik sebagai sebuah penempatan yang termoden dan terunggul. Pembangunannya akan

turut memberi faedah kepada penduduk negeri Selangor memandangkan kawasan seluas 10,000 hektar di luar pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan yang terletak di dalam negeri Selangor akan turut terbangun bersama-sama kerana kawasan ini termasuk di dalam konsep pelan struktur cadangan pusat pentadbiran tersebut. Projek ini juga adalah pelengkap yang unik kepada projek Kuala Lumpur International Airport iaitu suatu lagi projek negara yang dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan di negeri Selangor. Selain daripada itu, penyediaan kemudahan infrastruktur dan sosio yang dianggarkan bernilai RM15 bilion termasuk penyediaan sistem pengangkutan dan kemudahan asas akan memberi faedah secara langsung kepada negeri Selangor. Perlu juga disebut bahawa pembangunan di kawasan Putrajaya akan menambah peluang pekerjaan di mana adalah dijangka sebanyak 15,000 peluang pekerjaan sokongan akan dapat diwujudkan dalam kawasan negeri Selangor di luar kompleks pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata pembangunan yang dirancang di kawasan Putrajaya ini akan mendatangkan faedah bagi kepentingan negara. Untuk ini saya juga ingin memaklumkan bahawa Majlis Tanah Negara, Majlis Kewangan Negara dan kerajaan negeri Selangor telahpun dirundingi berkenaan dengan rancangan pembangunan di kawasan Putrajaya sebagaimana yang dikehendaki oleh Perkara 92(1) Perlembangan Persekutuan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan dan menyiar serta mengisytiharkan rancangan

pembangunan itu di dalam warta kerajaan Persekutuan pada 3 Ogos 1995 bagi penyiaran dan pada 10 Ogos 1995 bagi pengisytiharan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara 92(1) Perlembangan Persekutuan itu. Secara ringkasnya, saya ingin memaklumkan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan Perkara 92(1) Perlembangan Persekutuan telahpun dipenuhi bagi tujuan mendapatkan kelulusan Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya yang sedang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bagi mewujudkan Perbadanan Putrajaya yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini terbahagi kepada enam bahagian.

Bahagian I mengandungi Perkara Permulaan, Tajuk Ringkas dan Takrif beberapa istilah yang digunakan dalam Rang Undang-undang tersebut.

Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dengan Perbadanan Putrajaya. Antaranya seperti pengwujudan Perbadanan Putrajaya serta objektif penubuhannya iaitu bagi mentadbir dan menguruskan kawasan Perbadanan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Bahagian ini juga menerangkan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Perbadanan seperti melaksanakan fungsi-fungsi Pihak Berkuasa Tempatan serta kuasa untuk menswastakan aktiviti-aktivitinya. Selain daripada itu Perbadanan juga bertanggungjawab untuk memaju dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosio, komersil, infrastruktur serta tempat tinggal di dalam kawasan Perbadanan Putrajaya serta bertindak sebagai penyalaras dengan badan-badan kerajaan ataupun pihak-pihak lain jika perlu. Prosedur yang berkaitan

dengan Perbadanan seperti perlantikan anggota dan perjalanan mesyuaratnya dinyatakan secara terperinci di dalam Jadual Pertama Rang Undang-undang ini.

Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif, pegawai-pegawai dan perkhidmatan-perkhidmatan Perbadanan. Perbadanan adalah bertanggungjawab dalam hal-hal pentadbiran berkaitan pegawai-pegawai dan perkhidmatan-perkhidmatannya serta boleh membuat peraturan-peraturan mengenai kelakuan dan tata tertib mereka.

Bahagian IV pula mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai perihal kewangan Perbadanan, ianya mengadakan peruntukan bagi penubuhan satu kumpulan wang, sumber kumpulan wang ini antara lainnya ialah daripada wang yang diterima oleh Perbadanan dalam menjalankan fungsi-fungsinya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan serta apa-apa harta yang diperolehi oleh Perbadanan. Segala hasil dan perbelanjaan Perbadanan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang ini. Antara perbelanjaan yang dibolehkan daripada kumpulan wang ini ialah bagi maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Perbadanan termasuk fee dan kos ukur dan guaman serta membeli kelengkapan yang perlu dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, juga bagi membayar balik apa-apa wang yang dipinjam oleh Perbadanan. Bahagian ini juga memperuntukkan bahawa Perbadanan perlu mengadakan satu anggaran perbelanjaan bagi tahun berikutnya yang perlu mendapat kelulusan Menteri yang dipertanggungjawabkan ke atas kawasan Perbadanan Putrajaya.

Bahagian V menetapkan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi lain Perbadanan seperti membenarkan Perbadanan mewakili kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi tertentu kepada Ketua Pegawai Eksekutif, membenarkan Perbadanan meminjam wang, membolehkan Perbadanan melaburkan aset serta membenarkan Perbadanan menubuhkan Perbadanan.

Jadual Kedua adalah terpakai bagi perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan oleh Perbadanan Putrajaya ini.

Bahagian VI mengandungi peruntukan-peruntukan am seperti pengecualian Perbadanan daripada dikenakan duit stem dan obligasi menyimpan rahsia oleh kakitangan Perbadanan. Bahagian ini juga memberi kuasa kepada Perbadanan dengan kelulusan Menteri untuk membuat apa-apa peraturan yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik. Selain daripada itu Bahagian VI ini membolehkan Menteri selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri membuat apa-apa ubahsuaian kepada mana-mana peruntukan undang-undang bagi melicinkan perjalanan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

3.55 ptg.

Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang di Dewan yang mulia ini menandakan satu lagi peristiwa sejarah negara kita.

Dengan pembentangan Rang Undang-undang ini kita semakin rancak mengorak langkah menuju ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu untuk menjadi sebuah negara maju.

Kelahiran Putrajaya sebagai pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan merupakan satu lagi rancangan inovatif kerajaan selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara yang lebih maju dan lebih berjaya.

Kita patut akui bahawa pandangan jauh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menggubal dasar dan perancangan telah memberi ransangan yang amat positif, yang membawa negara ini menikmati pertumbuhan ekonomi yang amat mengagumkan.

Dengan pertumbuhan mampan atau 'sustained growth', setiap tahun sejak awal dekad sembilan puluhan menjadikan Malaysia suatu 'economy miracle'. Perpindahan pusat Kerajaan Persekutuan ke Putrajaya kelak akan membawa manfaat yang meluas. Ianya akan membawa kesan positif dari segi aliran lalu lintas antara pusat komersil dan pusat pentadbiran. Di samping itu pembangunan Putrajaya ini akan mencetuskan pusat-pusat pertumbuhan baru yang akan memberi manfaat kepada rakyat, di samping mengukuhkan lagi kedudukan kadar pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan sebuah Perbadanan untuk mengendalikan pembangunan Putrajaya adalah satu langkah yang amat tepat. Pendekatan ini amat sesuai dan selaras dengan dasar penswastaan yang kita anuti sekarang yang telah terbukti membawa kejayaan yang besar kepada negara.

Saya yakin Perbadanan yang akan diwujudkan ini dapat melahirkan sebuah pusat pentadbiran yang terancang dari keseluruhan segi khususnya perancangan dan kualiti pembinaannya dengan ciri unik yang tersendiri yang melambangkan bandaraya masa akan datang atau dengan izin, City of the 21st century.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk memperbadankan Perbadanan Putrajaya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

3.58 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mendengar hujah daripada Yang Amat Berhormat, memang saya setuju bahawa daripada pelbagai segi termasuk kesesakan lalu lintas dan alam sekitar, kita memerlukan bandaraya kembar untuk Kuala Lumpur, memang daripada awal lagi saya telah pun menyebutkan hal seperti ini.

Sebelum saya membangkitkan beberapa perkara untuk menyempurnakan rancangan ini, saya masih ingat pada satu ketika walaupun Yang Amat Berhormat tidak sebutkan tadi, iaitu 'Janda Baik' telah pun dibangkitkan sebagai satu kemungkinan mengadakan satu bandaraya kembar bagi Kuala Lumpur, kerana kawasan itu sangat hampir dengan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, kerana pelbagai

masalah yang mungkin tidak dapat disebutkan di sini, rancangan itu telah dibatalkan. Memang saya setuju bahawa untuk mencari tempat-tempat yang sesuai bagi bandaraya seperti ini adalah sukar, tetapi untuk memudahkan Yang Amat Berhormat menjalankan tugas yang dihadapi oleh Yang Amat Berhormat, saya akan bangkitkan beberapa perkara yang telah saya terima daripada pihak-pihak yang tertentu mengenai bandaraya tersebut.

Memang saya bersetuju bahawa untuk mencari tempat-tempat yang sesuai bagi bandaraya seperti ini adalah sukar, tetapi untuk memudahkan untuk Yang Amat Berhormat menjalankan tugas yang dihadapi oleh Yang Amat Berhormat, saya akan membangkitkan beberapa perkara yang telah saya terima daripada pihak-pihak tertentu mengenai bandaraya tersebut.

*Dari kampung Perdana Menteri
berwawasan cekap;*

Pikul seribu di hati dan bahu;

Terbakar kampung kelihatan asap;

Terbakar hati siapa tahu! (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengambilan tanah, saya telah membangkitkan satu soalan pada 14hb Jun tahun ini dan saya pun diberitahu bahawa masalah pengambilan tanah ini telah pun diselesaikan dan waktu itu saya diberitahu bahawa pampasannya hanya RM695 juta. Akan tetapi saya dapat satu maklumat di sini bahawa mengenai tanah-tanah Kuala Lumpur-Kepong Berhad misalnya, dengan izin, ini maklumat untuk shareholders:

“On 17th May, 1995 the company announced to the stock exchanges that the Selangor State Government has awarded RM182,734,200 as compensation for the 2,258 acres

acquired from the Group Seladang Schelly. Subsequently on 27th May, 1995 the company also announced that the Selangor State Government has awarded RM320,953,000 as compensation for the 4,389 acres acquired from the Group Seladang-Tanjong Malim.”

Tuan Yang di-Pertua, daripada kenyataan ini kita dapati bahawa pampasan kepada KL-Kepong sahaja ialah lebih RM500 juta. Saya juga diberitahu oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa pemilik yang terbabit di dalam pengambilan tanah ini ialah 334 pemilik dan sebahagian besarnya estet-estet. Kalau satu syarikat sahaja mendapat lebih RM500 juta pampasan, apakah jumlah yang sebenarnya pampasan? Itulah yang saya hendak tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah jumlah yang sebenarnya pampasan untuk kawasan itu kerana kalau maklumat saya tepat, maka jawapan daripada Timbalan Menteri itu tidak tepat, langsung tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua, di Putrajaya memang ada pekerja-pekerja, buruh-buruh dikawasan itu. Selepas pengambilan tanah itu, maka mereka tidak ada tempat. Adakah pihak kerajaan bermaksud untuk mengadakan penempatan alternatif bagi mereka ini kerana kita hendak mewujudkan satu bandaraya yang begitu termoden, terunggul dan begitu inovatif dan begitu selesa bagi semua? Untuk keselesaan ini bukankah kita patut adakan satu penempatan alternatif bagi semua orang yang terbabit dalam rancangan ini? Itu satu cara yang baik untuk memastikan keselesaan semua penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan apabila

sebahagian daripada rancangan ini siap, misalnya pada tahun 1998, apakah jadual untuk memindahkan kementerian-kementeriannya. Sama ada Jabatan Perdana Menteri dipindahkan dahulu dan kemudian diikuti dengan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan dan sebagainya. Kita perlu tahu apakah jadualnya? Kerana ini penting juga. Saya percaya mungkin ini salah satu cara untuk mengurangkan kesesakan di dalam Kuala Lumpur kerana LRT pun tidak boleh menyelesaikan disebabkan oleh dasar untuk menggalakkan penduduk Malaysia ini membeli kereta nasional dengan banyak, iaitu kereta nasional pertama, kedua dan ketiga. Semuanya kita galakan mereka beli. Dengan galakan ini maka kesesakan tidak boleh diselesaikan walaupun banyak mana tol dikenakan untuk jalanraya dan sebagainya ianya tidak boleh selesai. Mungkin salah satunya ialah memindahkan jabatan-jabatan ini ke Putrajaya sebagai satu langkah yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa tanah-tanah ini diambil alih oleh negeri Selangor. Ini bermakna hampir semua tanah di situ dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Di dalam perjanjian itu adakah pihak Kerajaan Persekutuan akan memberi pampasan kerana ini tanah Kerajaan Negeri? Walaupun kita boleh mewujudkan lebih daripada 15,000 peluang pekerjaan kerana bukan sahaja pihak yang tertentu pada satu hari kelak akan membayar cukai pintu dan cukai tanah, bukan setakat itu sahaja, kerana ini tanah Kerajaan Negeri dan akan menimbulkan satu kontroversi? Mungkin menjadi "Perang Besar". Mungkin (*Ketawa*) Kerana wujudnya kekaburan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, nampaknya di sebelah situ tidak begitu faham

mengenai hal kekeliruannya, samar-samar. (*Disampuk*) Memang perkara ini tidak pernah wujud di negara ini, tetapi walau bagaimanapun, kita nampak tanah itu adalah tanah Kerajaan Negeri. Walaupun ada perjanjian, saya berharap perjanjian ini diumumkan walaupun, di dalam akhbar ada cerita mengenai perjanjian pada 21hb Julai, tetapi kita tidak nampak isi kandungannya. Mungkin di dalamnya ada disebutkan hal-hal seperti ini.

Perdana Menteri: (*Bangun*)

Dr. Tan Seng Giaw: (*Duduk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Amat Berhormat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak bercakap, saya hendak menunggu Presiden dari Kenya datang. Saya hendak kena pergi. Terima kasihlah. Tetapi ada orang mengambil nota apa yang Ahli Yang Berhormat cakap dan akan saya jawab kemudian. (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Baiklah. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata di sebelah itu tidak berani kacau tadi kerana boss ada. (*Ketawa*) Tak berani! Jadi, saya dapat peluanglah untuk berucap dengan selesa (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau tak ada gangguan teruskan sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya hendak teruskanlah. Tuan Yang di-Pertua, keadaan mengenai status tanah di kawasan Putrajaya sangat kabur, sangat tidak jelas, dan ini mungkin boleh menimbulkan satu perang besar mengenai fungsi-fungsi, tanggungjawab-tanggungjawab dan sebagainya. Ini pun buka satu peluang untuk orang-

orang menanggung di air keruh. Sepertimana berlaku di Janda Baik pada masa dahulu bahawa ada sebilangan orang yang membeli tanah di situ terlebih untuk mendapat 'kijang teruit' tanpa berusaha, berharap mendapat keuntungan yang besar. Dengan keadaan yang kabur ini memang.....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Dr. Tan Seng Giaw:..... mungkin ada berani sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Larut bangun. Hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Dia sudah tak segan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Larut.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya minta penjelasan, apa yang dikatakan 'kijang teruit'.

Dr. Tan Seng Giaw: Dapat 'kijang teruit', maknanya dapat keuntungan dengan tidak bersusah payah.

Saya memang mendapat tahu daripada Dewan Undangan Negeri Selangor ada satu enakmen yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi, satu enakmen yang telah pun diluluskan di Dewan Undangan Negeri, Enakmen Putrajaya. Tetapi di situ hanya hak-hak untuk mentadbirkan kawasan Putrajaya diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Tetapi ada satu perkara yang sangat kabur. Di dalam fasal 4 Enakmen tersebut yang bertujuan memberi pihak berkuasa negeri Selangor kuasa untuk melantik perbadanan atau mana-mana pegawai perbadanan untuk menjadi pentadbir tanah bagi Putrajaya. Di situ, ini

bermakna Selangor sendiri boleh melantik, boleh mewujudkan perbadanan sendiri. Kalau itulah maksud Fasal 4 daripada Enakmen Dewan Undangan Negeri Selangor. Ini satu fungsi bertindih-tindih. Walhal Rang Undang-undang ini ialah mengelakkan daripada berlakunya fungsi bertindih-tindih. Tambahan pula, saya tak tahulah bagaimana penyelarasan dapat diambil, dapat diadakan dengan berkesan, kerana kita dapati misalnya 2,258 ekar ini daripada Kuala Lumpur-Kepong Bhd. diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juga 4,389 ekar daripada ladang Tanjong Malim telah diambil alih oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk projek-projek perumahan, industri dan pusat-pusat komersil. PKNS yang mengambil alih tanah itu, bukan Kerajaan Persekutuan. Saya pun tak begitu faham, macam mana kita dapat badan berkanun, Kerajaan Negeri dapat mengambil alih tanah untuk Putrajaya. Sangat bingunglah saya, sangat bingung.

Tuan Ruhainie bin Haji Ahmad: 'Bengung'

Dr. Tan Seng Giaw: Bengung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan berdialog, Yang Berhormat. Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Bengung dia kerana isterinya daripada Kelantan, dia sudah tahu. Isteri daripada Kelantan, di Kelantan memang dia bengung.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap status tanah di Putrajaya itu dapat ditetapkan -supaya tidak timbul kekeliruan untuk perkembangan untuk rancangan Putrajaya yang perlu dijayakan dengan sempurna tanpa mewujudkan sebarang penyelewengan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahan-bahan binaan, termasuk simen untuk projek raksasa ini yang kosnya sekurang-kurangnya RM20 bilion. Ini bermakna bukan sahaja di Putrajaya, bahkan juga di kawasan sekitar sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi lebih 10,000 hektar sekitar Putrajaya akan dijadikan pusat-pusat pembangunan yang tertentu. Ini bermakna bukan sahaja projek ini RM20 bilion, bahkan lebih daripada itu. Ini bermakna bahan-bahan binaan perlu diambil kira termasuk simen, kerana terwujudnya kelemahan-kelemahan. Ini bukan satu perkara yang kecil, kerana kalau kita bina kilang sendiri pun susah. Bila satu syarikat atau siapa sahaja dapat lesen untuk membina kilang simen, dia perlu dua tahun sekurang-kurangnya untuk mengeluarkan modal yang besar. Modalnya sangat besar, dan itu pun tak cukup. Kadangkala orang pegang lesen, tetapi hendak cari tempat yang sesuai sangat susah. Itu pun bukan satu masalah kecil atau boleh dianggap satu masalah yang mudah diselesaikan.

Tetapi walau bagaimanapun, sebelum ini kerana kelemahan-kelemahan yang tertentu, terutamanya daripada pihak kerajaan yang tidak dapat menganggar membuat rancangan dengan lebih sempurna untuk menyelesaikan masalah permintaan bagi bahan-bahan binaan oleh projek-projek raksasa kerajaan dan juga projek-projek swasta. Projek-projek raksasa seperti KLCC, seperti Kompleks Sukan Nasional Bukit Jalil, KLIA dan sekarang Putrajaya, SUKOM di Bukit Jalil. Semua ini memerlukan bahan-bahan binaan yang banyak. Tetapi saya pun tak faham, pihak kerajaan pun tahu rancangan projek-projek raksasa ini akan diadakan. Mengapa tidak ada

rancangan untuk membekalkan bahan-bahan binaan yang cukup? Itulah masalah. Sekarang kita ada projek raksasa Putrajaya, saya berharap ini tidak menjejaskan bekalan bahan-bahan binaan. Setahu saya, walaupun satu beg simen RM9.00 atau RM8.70, harga di pasaran gelap ia meningkat kepada RM14.00 atau RM17.00, tetapi di pasaran gelap pun tak dapat nak beli, tak dapat nak beli, tak dapat simen, dan bahan-bahan binaan yang lain juga ada.

Jadi, saya berharap pihak kementerian dapat mengambil perhatian. Walaupun kerajaan keluar satu pengumuman hari ini nak importkan cukup simen untuk pembinaan seperti projek Putrajaya, tetapi untuk pengimportan simen bukan begitu mudah. Ada segelintir orang yang mengambil kesempatan dapatkan lesen, tetapi dia tak dapat membekalkan simen dengan kualiti yang baik dan juga hendak dapat simen misalnya dari negara Cina, kita mesti ada pengangkutan yang baik, kita mesti ada konteks yang baik dan sebagainya untuk mengangkut simen daripada negara asing kepada negara ini.

Untuk pengagihan (distribution) hanya kilang-kilang simen yang biasa dengan perkara ini. Itu bukanlah begitu mudah untuk menyelesaikan masalah kekurangan bahan-bahan binaan seperti simen. Tuan Yang di-Pertua, itu mengenai simen. Setakat ini walaupun pihak Yang Amat Berhormat telah pun menekankan begitu pentingnya untuk mengadakan bandar raya dalam taman, itu satu konsep yang perlu ditekankan, untuk menjayakan satu bandaraya yang cukup futuristic dan cukup unik, walau bagaimanapun, kalau itulah hasrat kita, saya mencadangkan kita mengadakan satu jawatankuasa khas selain daripada jawatankuasa induk bagi Putrajaya,

jawatankuasa induk telah pun diwujudkan untuk Putrajaya dan itu tidak cukup, kita mesti ada satu jawatankuasa khas untuk penilaian kesan alam (EIA) dan untuk alam sekitar.

Satu jawatankuasa khas Putrajaya untuk EIA dan alam sekitar, itu cadangan yang bernas daripada pihak kami untuk menjayakan rancangan seperti ini. Itu satu perkara yang penting. Misalnya masalah Bakun, walaupun kajian yang dibuat oleh kerajaan dikatakan sembilan kali tetapi apakah terjadi dengan laporan EIA, sebelum laporan EIA diterima ataupun difahami oleh pihak-pihak yang tertentu termasuk orang ramai, projek-projek itu telah diagihkan seolah-olah EIA pun diluluskan.

Dan ini masalah, saya berharap perkara EIA Putrajaya ini tidak akan jadi EIA di Bakun, walaupun, "parit yang sulong", dia berminat tetapi saya tidak nampak dia membangkitkan masalah EIA dengan Bakun dan juga sekarang kita hendak membangkitkan EIA Putrajaya. Kalau kita mengadakan satu jawatankuasa khas, jawatankuasa ini kalau boleh jawatankuasa bebas, bukan setakat hendak mengadakan ahli "parit yang sulong" di dalamnya, kalau hendak benar-benar bebas, kita mesti mengadakan orang-orang, kalau hanya hendak masukkan "parit yang sulong", kita baik masukkan Melaka ataupun Kepong juga di dalamnya untuk menyeimbangkan, kalau tidak kita langsung tidak mahu orang-orang yang boleh memihak, boleh berat sebelah-benar-benar merdeka, benar-benar bebas untuk menjalankan tugas, mentafsir segala laporan EIA untuk mengadakan satu.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Menyampuk)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kacau. Tadi senyap sahaja! Langsung tiada suara tadi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya tadi ialah untuk mengadakan satu jawatankuasa khas untuk EIA dan alam sekitar bagi rancangan Putrajaya itu dan di dalam semua projek raksasa seperti ini memang kita mesti adakan satu sistem tender yang lebih sempurna, yang lebih adil dan lebih saksama. Kalau tidak silap saya, sebelum kita mengadakan sistem tender dan sebagainya, pihak PKNS sudah mengambil alih tanah beribu-ribu ekar, ini kita tidak payah kita mengadakan tender, dia ambil alih dah, dia akan membangunkan tanah itu oleh PKNS—tender tidak payah, sudah diambil alih. Inilah masalahnya. Sepertimana yang berlaku dengan Bakun, kita pun tak tahu bagaimana kontraktor atau pemaju dilantik? Langsung tak tahu, tiba-tiba ikrar menjadi pemaju ataupun kontraktor. (*Sambil memandang ke belakang*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kerusi di sini Yang Berhormat, bukan di belakang. (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya tengok di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mengadakan satu sistem tender yang benar-benar adil dan saksama supaya pihak yang benar-benar layak, benar-benar boleh melaksanakan projek-projek ini diberi tender untuk melaksanakan projek-projek di Putrajaya, itu satu cara yang betul. Kita tidak mahulah pertikaian timbul kerana wujudnya penyelewengan di dalam sistem tender dan juga di dalam perkara-perkara lain di dalam usaha untuk memajukan Putrajaya sebagai bandaraya kembar Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak kerajaan telah mengatakan bahawa ada usaha untuk mengadakan sistem pengangkutan yang ultra modern dan terunggul di Putrajaya supaya dapat dihubungkan dengan Kuala Lumpur dan juga dengan KLIA dengan lebih sempurna, dan di sinilah saya hendak menekankan adalah perlu bagi pihak kerajaan untuk mengumumkan apakah rancangan pengangkutan yang canggih ini yang bakal diadakan di Putrajaya, supaya kita tahu apakah yang akan dibuat untuknya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah membangkitkan mengenai perlunya kita adakan bandar raya kembar untuk Kuala Lumpur untuk menyelesaikan pelbagai jenis kesesakan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur kita ini dan saya membangkitkan mengenai pengambilan tanah dan juga mengenai pampasan bukan setakat RM700 juta sahaja bahkan saya percaya lebih banyak lagi dan perlulah bagi pihak kerajaan untuk mengumumkan apakah pampasan yang sebenarnya.

Saya pun ada membangkitkan mengenai status tanah untuk Putrajaya dan bagaimana kutipan cukai-cukai seperti cukai pintu dan cukai tanah yang akan diadakan dan adakah pampasan yang dibayar di dalam perjanjian itu. Perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor, apakah pampasan untuk tanah di Putrajaya, kalau tidak apakah syarat-syaratnya, kerana badan-badan berkanun seperti PKNS sudah pun mengambil alih beberapa bidang tanah di Putrajaya, bagaimana kawalselia akan diadakan untuk memastikan semua kongsi tidak bertindih-tindih di dalam rancangan ini.

Saya pun ada menyebutkan mengenai Enakmen Putrajaya, pelaksana fungsi, di negeri Selangor

yang nampaknya ada timbul kekeliruan di dalam kuasa-kuasa yang tertentu termasuk kuasa melantikkan perbadanan oleh pihak Kerajaan Negeri dan bukan sahaja oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Saya pun ada membangkitkan mengenai penempatan alternatif bagi pihak terbabit di dalam rancangan ini dan bahan-bahan simen dan binaan yang lain perlulah kita ambil kira supaya tidak menjejaskan sektor swasta sepertimana yang berlaku dalam masalah kekurangan simen sekarang. Saya juga mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas untuk EIA dan alam sekitar dan juga sistem tender yang lebih sempurna, yang lebih adil dan saksama. Saya menyeru supaya pihak kerajaan mengumumkan isi kandungan perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor dan akhir sekali pengawalseliaan untuk semua projek ini. Bukan sahaja kita perlukan jawatankuasa khas untuk EIA dan alam sekitar, tetapi sistem kawal seliaan perlulah dipertingkatkan. Bukan sahaja kita harus mengadakan Jawatankuasa Induk sahaja, kita perlukan satu kawal seliaan yang benar-benar berkesan, kerana kita dapati sekarang di kebanyakan tempat, termasuk banyak pihak berkuasa tempatan, mereka tidak ada jawatankuasa kawal selia yang berkesan, termasuk di kawasan Ampang.

Kalau ada Jawatankuasa Kawal Selia yang sempurna tidak akan berlaku Highland Tower Disaster. Tragedi Highland Tower tidak akan berlaku kalau kawal seliaannya sempurna. Sebab itulah saya mencadangkan satu jawatankuasa kawal seliaan yang sempurna untuk rancangan Putrajaya ini.

Itulah sahaja yang telah saya bangkitkan untuk sama-sama menjayakan satu bandaraya kembar Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong.

4.34 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana kepimpinannya yang proaktif sentiasa menghasilkan perancangan yang berpandangan jauh (forward looking) demi kesejahteraan nasional.

Usaha memindahkan keseluruhan jabatan Kerajaan Persekutuan ke Putrajaya yang kini menjadi suatu hakikat dan realiti adalah hasil dari kepimpinan serta perancangan yang sedemikian rupa. Pembentangan Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya ini yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi pun sebahagian dari package yang digandingkan bersama kepimpinan yang proaktif serta perancangan yang 'forward looking'.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3(2) Akta ini menyatakan bahawa objektif Perbadanan Putrajaya adalah untuk mentadbir dan menguruskan kawasan Putrajaya bagi pihak kerajaan Persekutuan. Pendek kata, perbadanan ini bertanggungjawab memaju serta menggalakkan pembangunan di Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Tanggungjawab ini amat luas dan amat besar. Saya berdoa mudah-mudahan ianya akan terlaksana dengan sayarat segala-galanya ditunaikan dengan satu komitmen nasional yang jitu dengan

strategi yang teliti serta dengan keiklasan yang paling abadi.

Oleh kerana Putrajaya akan menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Malaysia di abad ke-21 iaitu di suatu era yang dilanda ledakan teknologi maklumat, saya dapat membayangkan bagaimana canggihnya pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional diketika itu. Imajinasi saya akan meninjau ke ruang-ruang pejabat, sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat tadi iaitu di bangunan yang bistari atau "intelligent building". Di sana saya dapat membayangkan bagaimana dan betapa selesanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat menghubungi Timbalannya, contohnya, menerusi sistem "interactive video conferencing". Saya akan dapat membayangkan bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan tidak putus-putus menerima warkah elektronik (E-Mail) dari sahabat, dari peminat ataupun mungkin juga dari kalangan yang tidak menggemarinya di serata sejangat.

Saya dapat membayangkan bagaimana sekali sekala apabila terdapat kelapangan waktu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalannya atau pun Ahli-ahli Kabinet yang lain akan bermain-main dengan komputer dan menerokai alam ilmu dan maklumat menerusi 'internet'. Sesudah itu imajinasi saya dapat membayangkan betapa asyik dan mudahnya para pegawai bahagian pembelian (procument) di sesuatu jabatan kerajaan dapat meninjau segala spesifikasi barang, alat serta kelengkapan yang akan diperlukan oleh kerajaan atau pun dirinya sendiri menerusi pasaraya elektronik yang mempamerkan segala barangan dan harganya biarpun dari kasut Bally

hingga ke kereta kebal atau pun jet pejuang. Saya dapat membayangkan betapa mudahnya sesuatu kementerian atau pun jabatan kerajaan berhubung antara satu sama lain dengan lebih cepat dan pantas menerusi rangkaian komputer yang mempunyai sistem yang bersepadu (integrated).

Di kaki lima Pengangkutan Jalan di Putrajaya pula, misalnya, para pemilik kenderaan akan dapat membaharui cukai jalan atau pun lesen memandu masing-masing menerusi sistem 'kiosk' yang menggunakan 'smart card'. Begitu juga mungkin di Pejabat Hasil Dalam Negeri (Income Tax Office) atau di mana-mana kementerian dan jabatan yang mula mengamalkan sistem 'paperless administration' sebagaimana yang ditegaskan oleh Ketua Setiausaha Negara atau pun mungkin mengamalkan sistem "electronic government".

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata, di Putrajaya pada ketika itu kelak kita dapat membayangkan bagaimanakah komputer yang dibeli dengan harga berjuta-juta ringgit oleh pihak kerajaan akan dapat diabadikan secara maksimum dan bukannya sekadar sebagai pemeroses kata-kata (words processor) sahaja. Saya dapat membayangkan bagaimana komputer dan teknologi maklumat benar-benar memudahkan pentadbiran dan pengurusan Kerajaan Persekutuan berlandaskan sistem dan proses pentadbiran yang telah pun di juruterakan semula (being re-engineer).

Perubahan ini saya harap sewajarnya akan disaingi oleh perubahan sikap dan mentaliti oleh seluruh keluarga Perkhidmatan Awam. Janganlah hendaknya wujud sikap serong terhadap sesetengah ahli-ahli politik

tahun 20-an atau abad 21 yang sebilangan besarnya adalah golongan profesional. Janganlah wujud sikap serong ini di kalangan sesetengah anggota kerajaan kepada pihak kami.

Tuan Yang di-Pertua, maka pada ketika itu akan terbukti kepada seluruh warganegara Malaysia bahawa memang benar teknologi maklumat antara lain-lainnya mampu menghubungkan sesuatu organisasi dengan yang lain secara berkesan. Teknologi maklumat mampu menambahkan kecekapan perkhidmatan awam dan teknologi maklumat akan memperhebatkan lagi proses pengkayaan ilmu dan pengetahuan.

Saya terpenggil untuk membina imaginasi ini di Putrajaya kerana kita semua sedia maklum bahawa sewaktu Pentadbiran Kerajaan Persekutuan berada di Putrajaya kelak iaitu mulai tahun 2005. Zaman itu adalah zaman ledakan teknologi maklumat yang amat kemuncak ataupun zaman di mana teknologi maklumat akan menjadi lebih prominan, lebih dominan demi kemudahan dan keselesaan bersama.

Saya yakin khayalan ini akan menjadi kenyataan tidak lama lagi kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang adalah seorang yang meyakini kemampuan teknologi maklumat untuk menambahkan kecekapan pengurusan dan untuk menambahkan keselesaan rakyat jelata berurusan dengan kementerian ataupun dengan jabatan kerajaan. Sebut itulah sebenar tadi, beliau menggambarkan bahawa Putrajaya akan menjadi sebuah bandar multimedia super corridor. Sebab itulah beliau sering memperkatakan masalah dan isu EDI ataupun Electronic Data Interchange, dengan izin, ataupun Pertukaran Maklumat Elektronik,

mengenai "super highways", mengenai "World Wide Web" ataupun mengenai "National Information Infrastructure" ataupun Infrastruktur Maklumat Nasional.

Berbangkit dari impian seperti di atas, Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Seksyen 4(1) di dalam Akta Pembangunan Putrajaya ini iaitu seksyen yang menggariskan fungsi-fungsi khusus Perbadanan Putrajaya.

Seksyen 4(1)(c) dalam Akta ini menyatakan bahawa Perbadanan Putrajaya bertanggungjawab "memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersil, pembangunan infrastruktur serta pembangunan tempat tinggal di dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya".

Berdasarkan seksyen tersebut, saya harap bahawa di antara fungsi-fungsi terperinci Perbadanan Putrajaya kelak dalam konteks "memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan infrastruktur" adalah fungsi penting menyediakan infrastruktur maklumat ataupun "information infrastructure" bagi seluruh kompleks Kerajaan Persekutuan di Putrajaya dan kawasan kejirannya ataupun "its neighbourhood".

Fokus serta penekanan terhadap kemudahan tersebut kini merupakan satu prioriti kepada sebilangan negara maju dan negara membangun yang prihatin terhadap masa depannya. Lebih khusus lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan akan menitikberatkan soal menyediakan infrastruktur maklumat ini sebagai satu dari fungsi utama Perbadanan Putrajaya kelak.

Tetapi oleh kerana tugas menyediakan infrastruktur maklumat

ini pastinya memerlukan kepakaran yang tinggi di dalam bidang teknologi maklumat ataupun "information technology", maka saya cadangkan agar Perbadanan Putrajaya menggunakan peruntukan Seksyen 28 ataupun Seksyen 29 di dalam Akta ini untuk mencapai hasrat tersebut iaitu hasrat menjadikan Putrajaya, multi-media super corridor.

Contohnya Seksyen 28 Akta ini mengizinkan Perbadanan Putrajaya untuk "mengambil kerja dan membayar ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik" untuk melaksanakan sebarang fungsi yang dikehendaki oleh Akta ini iaitu tanggungjawab "memajukan dan menggalakkan pembangunan Putrajaya, terutamanya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan".

Jelaslah maka menerusi Seksyen 28, Perbadanan Putrajaya boleh melantik sesuatu kumpulan pakar ataupun sesuatu pakar runding untuk menjayakan penyediaan infrastruktur maklumat di Putrajaya kelak kerana kemudahan ini adalah sebahagian dari tuntutan utama di abad ke-21.

Malaysia sudah pun mempunyai kepakaran tempatan mengenai teknologi maklumat. Kerjasama swasta asing yang beroperasi di negara ini juga boleh dikerahkan ke arah pencapaian hasrat serta cita-cita ini.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, jika Seksyen 28 didapati kurang relevan dengan tugas penting dan rumit ini, saya harap pihak Perbadanan Putrajaya akan menggunakan Seksyen 29 di dalam Akta ini yang dari masa ke semasa, membolehkan Perbadanan Putrajaya sendiri menubuhkan sesuatu perbadanan yang khusus untuk "menjaga", mengelolakan dan

menguruskan” sebarang usaha untuk memenuhi tanggungjawabnya.

Seksyen 29 mengizinkan Perbadanan Putrajaya mewujudkan sebuah perbadanan khusus untuk mengedalikan hal ehwal penyediaan infrastruktur maklumat yang sangat dituntut kehadirannya di abad yang akan datang.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan kerajaan boleh menggabungkan kepakaran tempatan dan kepakaran asing di dalam suatu konsortium yang bertanggungjawab khas membangun dan menyediakan infrastruktur maklumat di Putrajaya.

Bayangkan bagaimanakah hebatnya pada ketika itu, kesan tumpahan inisiatif ini jika dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pada ketika itu, pakar teknologi maklumat tempatan akan berlumba-lumba mengusahakan berbagai industri yang berkaitan dengan teknologi maklumat dari pembekal software dan hardware kepada pengusaha integrasi sistem kepada pembekal solution ataupun “solution provider”, dengan izin, kepada penyedia maklumat atau “content provider” ataupun seterusnya kepada kerancakan industri audio video, “copy writing” dan seterusnya berkaitan dengan teknologi maklumat.

Sekiranya Perbadanan Putrajaya dapat melaksanakan fungsi ini iaitu menyediakan infrastruktur maklumat di Putrajaya kelak, saya percaya dan saya yakin, bukan sahaja keseluruhan kementerian dan jabatan Persekutuan akan menikmati manfaatnya malahan mungkin bandar serta warga Putrajaya sendiri akan turut menumpang faedahnya.

Kemungkinan ini boleh berlaku kerana apabila sesuatu infrastruktur

maklumat yang berkesan dan reliable ataupun boleh dipertanggungjawabkan dapat diwujudkan untuk Kompleks Kerajaan Persekutuan di Putrajaya, lama kelamaan pasti masyarakat perindustrian yang wujud di sekitar Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang yang tidak jauh dari situ dan masyarakat awam yang merupakan “neighbourhood” kepada Putrajaya sendiri akan turut menerima faedah infrastruktur maklumat yang sedemikian.

Saya berpendapat begini, Tuan Yang di-Pertua, kerana memang telah terbukti di negara-negara maju bahawa satu infrastruktur maklumat yang efektif iaitu berkesan dan boleh dipertanggungjawabkan ataupun reliable, dengan izin, iaitu infrastruktur yang menggabungkan persambungan rangkaian komputer, perkhidmatan telekomunikasi dan aplikasi multimedia, telah melahirkan satu era hidup baru yang lebih maju.

Sebab itulah saya juga amat yakin dan percaya bahawa sekiranya Perbadanan Putrajaya dapat melaksanakan tanggungjawab ini maka infrastruktur maklumat yang disediakan di Putrajaya kelak tentunya akan menjadi contoh dan model sebagaimana yang dicita-citakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada infrastruktur maklumat nasional ataupun sebagaimana yang ditegaskan, “National Information Infrastructure” yang amat dicita-citakan oleh Perdana Menteri kita.

Bagaimanapun, situasi dan kemudahan yang ideal ini tidak akan terlaksanakan dengan jayanya tanpa diawasi oleh sesuatu dasar serta strategi teknologi maklumat yang

komprehensif dan berkesan. Oleh itu, dengan secara ringkas saya mencadangkan agar dalam tempoh yang tidak lama lagi, Kerajaan Pesekutuan wajarlah melaksanakan inisiatif futuristik menerusi pengubahan satu Polisi Teknologi Maklumat Negara.

Inisiatif ini wajar dilaksanakan segera demi kepentingan bangsa dan negara di abad ke-21 kerana banyak cerdik pandai dunia mengatakan bahawa di abad ke-21 kelak, maklumat yang perlu diuruskan dengan wajar dan bijaksana pastinya dapat meningkatkan kualiti kesejahteraan sesuatu bangsa sebagaimana yang dicita-citakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan merancang dan melaksanakan pembangunan satu kawasan yang strategik dan berpotensi sebagai pusat tumpuan bangunan kerajaan, pusat komersil dan perniagaan serta perumahan berhampiran pula dengan KLIA adalah suatu yang amat tepat dan kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, pertukaran nama kawasan ini dari Prang Besar kepada Putrajaya sesungguhnya memaparkan rasa penghormatan dan penghargaan kerajaan dan rakyat terhadap jasa bakti dan pengorbanan bapa kemerdekaan Malaysia, Almarhum Yang Teramat Mulia

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang mempelopori kemerdekaan dan kedaulatan negara dari belenggu penjajah.

Tuan Yang di-Pertua, kemunculan Putrajaya sebagai pemangkin pembangunan dan pertumbuhan perbandaran baru menjanjikan lembaran aktiviti komersil dan perkhidmatan yang serba lengkap, lebih terancang dan tersusun. Oleh sebab itulah, pelaksanaan projek raksasa ini perlu diselaraskan dan diseliatkan oleh satu badan induk ataupun perbadanan yang dipertanggungjawabkan untuk menjamin kelancaran pembangunannya tanpa menghadapi masalah yang mendesak.

Pembangunan bandar Putrajaya ini akan membabitkan pelbagai aspek kehidupan manusia termasuk budaya, teknologi, agama, keselamatan, perkhidmatan dan ciri-ciri lain yang memerlukan bantuan pelbagai kepakaran dan kemahiran untuk menjayakannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dimaklumkan tentang pembangunan bandar bistari atau intelligent city, dengan izin, di atas kawasan lebih daripada 10,000 hektar yang akan menjadi nadi pertumbuhan sosio-ekonomi terancang di negara ini. Sebagai sebuah bandar bistari, tentunya memerlukan kemudahan seperti sistem maklumat awam terkini, perkhidmatan pengangkutan yang termaju, kawalan trafik berpusat, sistem kawalan penceraman alam sekitar dan sebagainya. Kesemuanya ini menuntut ciri-ciri pelaksanaan yang termoden dan terbaik dan untuk itulah sebuah perbadanan khusus yang dikenali sebagai Perbadanan Putrajaya boleh memainkan peranan dengan lebih berkesan untuk menjayakannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan fungsi dan matlamat Perbadanan ini tentunya memerlukan perkhidmatan atau kepakaran pelbagai sektor yang berkaitan. Bermula dari Presiden atau Pengerusi Perbadanan, membawalah kepada kakitangan bawahan di bahagian operasi dan perkhidmatan, kesemuanya memerlukan mereka yang berpengalaman dan mahir dalam bidang masing-masing. Ini termasuklah para jurutera, jurubina, juruukur, pakar kewangan, perunding bangunan, pegawai pemasaran dan sebagainya yang perlu berganding bahu untuk merealisasikan kewujudan sebuah pusat pertumbuhan yang terbaik perkhidmatan dan sumbangannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dimaklumkan bahawa antara fungsi Perbadanan ini adalah untuk melaksanakan segala tugas Kerajaan Tempatan di dalam kawasan Perbadanan Putrajaya bagi memaju dan menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial setempat.

Di samping itu, Perbadanan ini akan sentiasa mengusahakan program pembangunan komersil, pembangunan infrastruktur dan kediaman yang berfaedah kepada semua sektor. Justeru itu, Perbadanan ini perlu mempunyai hubungan yang erat dengan Kerajaan Negeri Selangor khususnya dan negeri-negeri lain yang berhampiran amnya serta menjalin kerjasama dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain, Perbadanan Putrajaya perlu mengaktifkan fungsi-fungsi eksekutif tanah, protokol dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan Putrajaya dapat dibangunkan menjadi bandar raya terunggul dan terulung menjelang era 2020.

Sehubungan itulah dalam persetujuan yang dicapai mengikut Perenggan (8) Perkara 83, Perlembagaan Persekutuan, Putrajaya semestinya wujud dan bergerak sebagai satu entiti Pihak Berkuasa Tempatan yang khusus dan bersesuaian untuk memainkan peranan besar dan istimewa ini.

Kita difahamkan bahawa pembangunan ini akan menelan belanja lebih RM15 bilion dan dijangka siap menjelang tahun 2005. Saya percaya pihak Kerajaan Pusat berupaya membina projek ini dengan tidak membebankan rakyat dan negara kerana sebahagian besarnya akan diswastakan kepada syarikat-syarikat korporat tempatan dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyarankan agar dalam kesungguhan kita untuk melihat kejayaan pembangunan Putrajaya yang akan dilaksanakan oleh sebuah Perbadanan ini seharusnya ciri-ciri pembangunan yang akan dijalankan tidak akan menjejaskan keadaan alam sekitar dan kehidupan biologi setempat. Harus dipastikan bentuk pembangunan tersebut tidak membawa mudarat kepada sistem saliran dan pengairan semula jadi kerana tanpa perancangan teliti, akan mendedahkan manifestasi pembangunan ini kepada gejala-gejala yang tidak diinginkan.

Saya berharap, pembentukan sebuah bandar raya dalam taman melalui sistem Jaluran Hijau ini dapat diwujudkan untuk mengelakkan kesegaran alam sekitar tanpa pencemaran - seperti mana yang dihadapi oleh kawasan Lembah Kelang dan kawasan sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, kerajaan perlu memastikan

satu garis panduan diadakan untuk menghalang sebarang bentuk aktiviti perindustrian yang tidak terkawal beroperasi di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya, menerusi program penyelidikan dan bantuan kepakaran, hanya kegiatan berteknologi tinggi dan penggalakan penubuhan institusi pendidikan dapat beroperasi di kawasan ini bagi mengelakkan sebarang gejala yang tidak sihat. Kajian geologi dan geoteknikal yang terperinci perlu diperluaskan untuk mengikis keraguan masyarakat terhadap usaha-usaha murni kerajaan itu. Aspirasi kerajaan untuk membangunkan sebuah bandar berteknologi canggih ini sambil memelihara alam sekitar yang hening dan damai pastinya tercapai menerusi konsep perancangan yang dikawalselia secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingat, dengan wujudnya pembangunan Putrajaya ini, dengan sendirinya satu koridor pembangunan baru akan berbentuk di antara Kuala Lumpur, Putrajaya dan Sepang. Dengan ini akan menjalin satu jaluran pembangunan terancang dan berharmoni dengan alam sekitar yang melibatkan kawasan-kawasan kediaman dan komersil. Tidak dapat dinafikan, negeri Selangor dan negeri yang berhampiran akan menjadi zon pelaburan dan ekonomi yang baru yang akan meraih manfaat yang tidak berkesudahan.

Tuan Yang di-Pertua, memang bersesuaianlah pintu masuk utama ke negara ini melalui KLIA perlu disokong oleh sebuah perbandaran baru serba lengkap untuk memenuhi hasrat pengunjung dan juga penduduk yang mendiaminya. Saya dengan ini berharap, Perbadanan Putrajaya dapat diwujudkan untuk melaksanakan

harapan dan hasrat kerajaan dan rakyat bagi mewujudkan satu pembangunan contoh atau model perbandaran, sesuai dengan pencapaian era permodenan menjelang abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Menteri diminta jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun lagi, ya. Ada apa, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak berucap. Tak ada orang hendak berucap!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sudah berucap tadi, Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw: Tak ada orang hendak berucap, macam mana hendak buat? Dewan tak boleh diam sahaja macam ini!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk. (*Disampuk*) Yang Berhormat, sabar!

Dr. Maximus Johnity Ongkili: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bandau bangun.

4.59 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-

undang Perbadanan Putrajaya 1995 yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, berasas kepada tujuan dan matlamat yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini, maka pihak kita pada dasarnya memanglah menyokong apa yang difikirkan baik, yang dipercayai juga akan membawa kebaikan kepada rakyat keseluruhannya.

Projek ini, Tuan Yang di-Pertua adalah satu projek yang begitu besar sekali sepertimana yang telahpun dibentangkan yang akan mengambil perbelanjaan RM15 bilion ke RM20 bilion keseluruhan dan yang dikatakan juga bahawa sebahagian besar daripada wang yang diperlukan ini adalah akan disumbangkan daripada pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dialu-alukan bahawa projek ini akan menjadi sepertimana yang disebut Multimedia Super Corridor dan termasuklah juga penggunaan teknologi maklumat yang termoden dan jika dilaksanakan dengan baik memang difikirkan supaya ia akan meningkatkan lagi imej negara selain daripada mewujudkan satu perbadanan yang akan membawa daripada peningkatan pentadbiran negara keseluruhan dan mudah-mudahan juga akan mewujudkan peningkatan ekonomi bukan sahaja di kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor tetapi kepada negara keseluruhan amnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada projek ini atau perbadanan ini akan meningkatkan pengwujudan imej yang baik kepada negara kerana lewat

penubuhan sepertimana yang dikatakan Multimedia Super Corridor, harapan kita ialah dalam pelaksanaan keseluruhannya projek ini akan membawa kebaikan kepada rakyat jelata khususnya rakyat biasa, khususnya dari segi pengwujudan pekerjaan-pekerjaan kepada rakyat khususnya di tempat-tempat yang berdekatan dengan penubuhan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian ada beberapa perkara yang harus diambil kira oleh pihak kerajaan supaya perbadanan ini, supaya projek raksasa ini bukan sahaja mencapai matlamat dari segi meningkatkan jentera kerajaan dan imej yang besar di peringkat antarabangsa tetapi supaya rakyat biasa menikmati kebaikan dari segi perkara-perkara yang saya akan sentuhkan.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, ialah projek ini menelan belanja yang cukup besar sekali walaupun telahpun ditentukan bahawa dengan penggunaan strategi penswastaan, maka sebahagian besar daripada beban keperluan kewangan ini akan disumbangkan oleh pihak swasta. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, projek ini pasti juga menarik dan memakan belanja-belanja yang cukup besar daripada sumbangan kerajaan khususnya dari segi perlantikan pegawai-pegawai yang akan mengurus perbadanan ini dan juga skim-skim pekerjaan yang terlibat dan selain daripada itu infrastruktur-infrastruktur yang tidak dapat diswastakan ataupun dibangunkan melalui proses penswastaan. Maka tidak boleh dielakkan bahawa sebahagian besar juga akan disumbangkan oleh pihak kerajaan. Maka dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pihak kerajaan, berapa sebenarnya

sumbangan untuk pengwujudan projek ini dari segi kewangan yang akan disumbangkan oleh pihak swasta dan berapa banyakkah yang akan disumbangkan oleh pihak kerajaan supaya kita melihat secara jelas tanggungjawab yang akan ditanggung, dengan izin, shoulder, oleh pihak rakyat keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, juga dari konteks ini memandangkan ini satu projek yang besar dan ia akan menelan belanja yang besar dan sebahagian besar daripada pihak kerajaan sendiri dan rakyat, maka ia ada akibat kepada sektor-sektor yang lain. Maka dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kewangan yang besar akan digunakan dalam projek ini maka kewangan yang dikhususkan untuk pembangunan untuk sektor-sektor lain kerana sesuatu projek besar seperti ini memang ada opportunity cost, dengan izin. Maka ia menarik penggunaan kewangan yang harus dipakai untuk pembangunan sektor-sektor yang lain.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa hal perseimbangan dalam pembangunan harus juga diambil kira kerana walaupun kita sokong tujuan kerajaan untuk mewujudkan projek yang besar yang akan meningkatkan imej negara dan dalam memperkemaskan lagi pentadbiran kerajaan, ia tidak harus semata-mata dilakukan, dengan izin, at the expense of development of other sectors khususnya dari sektor sosial. Dari segi ini, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dan kita mengatakan bahawa memang syabas kepada kerajaan kerana apabila ia mewujudkan sesuatu yang difikirkan baik untuk rakyat, ia melakukan itu dengan cara yang serius dan biasanya itu tercapai tetapi kadang-kadang masalah-masalah yang lain seperti pembasmian kemiskinan,

perkara-perkara untuk tujuan menyelesaikan masalah rakyat termiskin dan dari segi pembahagian rumah, kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, ini overwhelmed, dengan izin, dengan perkara-perkara yang besar dan masalah rakyat yang asas seringkali diabaikan.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, harapan kita bahawa tanggungjawab itu haruslah diambil kira dari segi pelaksanaan projek yang gergasi ataupun raksasa ini, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu juga keseimbangan dari segi wilayah di mana projek-projek yang besar seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, memang tepat dilaksanakan di kawasan Selangor dan berdekatan dengan Wilayah Persekutuan. Tetapi ia akan meningkatkan dari segi pelaksanaannya ekonomi bukan sahaja di daerah Sepang, bukan sahaja di negeri Selangor tetapi pasti sepertimana yang dikatakan di dalam negeri-negeri yang berdekatan juga dan saya percaya termasuklah juga negara asing yang berdekatan kerana dari segi bekalan buruh mereka yang akan datang untuk bekerja di peringkat tempatan juga dan mereka juga akan menikmati manfaat dari ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama pihak kerajaan harus mengambil kira perkara keseimbangan dengan negeri-negeri lain termasuk khususnya negeri di sebelah Pulau Borneo di negeri Sabah dan negeri Sarawak yang cukup jauh dan barangkali, tidak akan menikmati economic flow, dengan izin, daripada projek gergasi seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara kewangan, yang harus diambil kira juga ialah perkara yang bersangkutan paut dengan masalah alam semula jadi (environment). Kerana satu projek gergasi dan walaupun dikatakan

akan menjadi contoh dari segi pembangunan ekologi dan dengan izin, blending of the environment dengan teknologi tetapi dalam sesuatu pelaksanaan projek yang besar yang berasas kepada sains dan teknologi ia biasanya mempunyai opportunity cost, dengan izin, dari segi akibatnya kepada alam semula jadi. Maka kita berharap bahawa dari segi pelaksanaan termasuk industri-industri maklumat, industri-industri infrastruktur bahawa kerajaan hendaklah mengambil kira akibatnya kepada alam semula jadi (natural environment) dan harapan kita ialah semua pembangunan projek itu dilaksanakan tepat kepada keperluan-keperluan EIA khususnya Tuan Yang di-Pertua, supaya pembentukan satu projek yang besar tidak akan dengan izin, at the expense of the natural environment, dengan membawa pollution yang lebih lagi bertambah di kawasan Kuala Lumpur dan negeri Selangor amnya, Tuan Yang di-Pertua.

Maka kita berharap pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan khususnya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan memberi tumpuan yang khusus dari segi perkembangan pembangunan infrastruktur di kawasan tertentu supaya tidak akan membawa akibat-akibat dan masalah-masalah yang negatif kepada yang baru dan negatif kepada rakyat di sekeliling kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu telahpun disentuh oleh rakan yang lain khususnya Yang Berhormat dari Kepong tentang perkara penempatan rakyat yang terlibat di dalam kira-kira 10,000 ekar di dalam projek ini, bukan sahaja dari segi pampasan kepada rakyat biasa; dari segi pengambilan tanah mereka

oleh kerajaan Tuan Yang di-Pertua, tetapi untuk penempatan mereka ke tempat-tempat yang sesuai kepada tempat-tempat yang tidak akan merugikan keluarga-keluarga yang tertentu termasuk perumahan dan kawasan yang sesuai yang akan menjadi kampung baru bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara-perkara yang telah saya sentuhkan ini harapan kita bahawa kerajaan, dengan izin, will not be overwhelmed in just waiting something big and ignoring the specifics yang akan membawa akibat buruk kepada alam semula jadi, kepada hal penempatan rakyat yang terlibat dan juga tidak akan dilakukan, at the expense, dengan izin, tanggungjawab kerajaan untuk membentuk sektor-sektor sosial khususnya dari segi pembangunan di luar bandar.

Maka dengan pandangan-pandangan ini, Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Batang Lupar.

5.11 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membincang dan bercakap sedikit dalam Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995. Sebelum saya bercakap panjang, inginlah saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memandang lebih jauh dan merancang lebih panjang untuk keselesaan wargakota Kuala Lumpur. Seterusnya akan memberi keselesaan kepada pegawai-pegawai kerajaan, kementerian-kementerian dan tidaklah pula kita menyesakkan

bandaraya Kuala Lumpur sebagaimana yang telah berlaku sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebut tidak ingin bercakap panjang lebar soalan-soalan sosial memang telah disentuh begitu panjang oleh rakan-rakan yang terdahulu daripada saya tetapi saya ingin juga menyentuh perkara-perkara lain kerana dalam membangun bandaraya yang baru, kadang-kadang kita membuat satu perancangan sebagaimana Yang Amat Berhormat telah sebutkan tadi, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan yang merancang untuk masa hadapan, perancangan memindah pegawai-pegawai kerajaan, pejabat-pejabat kerajaan ke tempat baru agar tidak menyesakkan Kuala Lumpur.

Sebalik itu juga dalam membuat perancangan bandar baru sebagai bandaraya Putrajaya ini, saya berharap pihak kerajaan mengambil perhatian apa yang telah berlaku di tempat-tempat lain.

Saya banyak berbincang soalan Kuala Lumpur pada suatu ketika dahulu semasa saya dalam kerajaan. Soalnya ialah kesesakan lalu lintas. Semenjak tahun 70-an lagi kita telah membincangkan Kuala Lumpur macam mana hendak mengubah keadaan atau membuat satu pelan induk untuk Kuala Lumpur. Tetapi semenjak itu sampai sekarang pelan induk itu tidak boleh dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh kerana masalah perancangan bandar yang berlaku masa wujudnya Kuala Lumpur dahulu ialah tidak mengambil kira apa yang berlaku 10 atau 20 tahun yang akan datang. Tetapi oleh kerana pembangunan yang pesat, keadaan ekonomi yang begitu baik dan peningkatan hidup manusia yang begitu

makin meninggi dengan sendirinya pembangunan di bandar-bandar mestilah mengambil kira apa yang berlaku semasa 20 ke 30 tahun yang akan datang.

Dalam keadaan yang demikian, kita mengelakkan bukan sahaja dari kesesakan lalu lintas tetapi juga daripada kesesakan tempat kediaman manusia. Saya pernah melawat satu bandar di England, bandar yang dikatakan dirancang untuk abad yang ke-21 iaitu bandar Miltonkin, tidak berapa jauh dari Oxford. Saya melihat sendiri macam mana bandar itu dirancang tetapi sebelum pun sampai ke abad 21, bandar tersebut telah tidak lagi cukup canggih, cukup memuaskan perancangannya.

Jadi, keadaan yang sedemikian, pandangan macam mana peningkatan ekonomi negeri Malaysia. Kita berharap kita patut belajar daripada apa yang berlaku di negara-negara lain iaitu perancangan yang kita sangka boleh menyesuaikan keadaan di masa 20 ke 30 tahun yang akan datang mungkin tidak akan sesuai sebagaimana yang kita rancang kerana peningkatan hidup manusia mungkin bertambah.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak perancang bandar Putrajaya ini jangan memandang apa yang akan berlaku 20 ke 30 tahun yang akan datang tetapi pandanglah 50 ke-100 tahun yang akan datang. Melainkan ada penguatkuasaan yang kuat yang mana perubahan bandar, pembangunan semula dipegang dengan begitu rapi dan tidak mendatangkan satu perubahan yang begitu sangat hingga mendatangkan satu kesesakan ataupun satu keadaan yang tidak baik, perancangan asalnya hilang character.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang di New York, bandar New York walaupun tinggi naik ke atas tetapi keadaan di pekannya masih macam dahulu kala, macam mana New York yang dirancang dahulu. Dengan sendirinya, keadaan yang demikian, tidak mendatangkan walaupun keadaan sosialnya teruk, tetapi keadaan bandarnya tidak begitu teruk sangat. Tetapi dalam masyarakat kita, kadang-kadang orang kalau ada duit sedikit, dia buat perubahan. Kalau ubah ke kiri, ubah ke kanan, ada juga yang ubah ke atas. Ini telah mendatangkan dua tiga perkara. Kecantikan mungkin terjejas tetapi juga keselesaan dan keselamatan juga mungkin terjejas. Kerana, kalau macam di bandar Kuala Lumpur kita nampak rumah yang dahulunya tinggi 20 tingkat, sekarang boleh disambung ke atas jadi 40 tingkat. Tetapi adakah kita kenal ataupun pasti yang foundation, engineering ataupun structure bangunan tersebut cukup memuaskan untuk mendokongkan keberatan yang akan dilonggok ke atas bangunan yang lama itu.

Jadi, dengan keadaan yang demikian, kita patut mempunyai satu undang-undang yang awal, perancangan yang awal untuk menetapkan supaya tiap-tiap satu pembangunan sepatutnya ada satu undang-undang menetapkan tiap-tiap bangunan yang telah dibuat, sepatutnya jangan diubahsuaikan lagi hingga bangunan tersebut tidak boleh digunakan dan diruntuh, kemudian dibina semula.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan ataupun kementerian yang berkenaan sebagaimana yang berlaku di Washington. Kalau kita pandang tidak ada satu bangunan pun yang boleh dibina lebih tinggi daripada

Capital Hill. Jadi, adakah kita merancang satu bangunan juga di Putrajaya ini nanti, satu bangunan mercu tanda bandar tersebut, tempat yang indah, tempat yang menarik, satu landmark di bandar itu nanti dan tidak ada satu bangunan lain pun sama ada kita mempunyai wang ataupun tidak, sama ada kita mempunyai kuasa ataupun tidak, kerajaan ataupun swasta ataupun orang persendirian, boleh membuat satu bangunan ataupun structure yang lebih tinggi daripada satu mercu tanda yang kita cadangkan. Jadi, saya ingin bertanya sama ada kita ingin membuat satu mercu yang sedemikian supaya satu benda yang menarik, satu landmark yang besar, indah dan tidak ada satu bangunan lain di tempat tersebut boleh membandingkan sama ada begini rupa dan tingginya.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu soalan lagi. Kadang-kadang kalau kita merancang satu-satu perkara dan membina satu-satu perkara, kadang-kadang orang kita mestilah cost effective. Cost effective ini memang baik kerana kita boleh mengurangkan perbelanjaan yang bakal dibelanjakan sama ada kita daripada pihak kerajaan ataupun pihak swasta. Pihak swasta mungkin akan menambahkan lagi keuntungan mereka. Jadi, dalam masa yang sama ada benda yang kita kurangkan harga itu, kurangkan kualitinya. Kalau kurang kualitinya, kuranglah ketahanannya. Jadi, kalau kurang kualiti, kurang ketahanan, berlakulah apa yang telah berlaku di Highland Towers, apa yang telah berlaku di mana-mana rumah runtuh dan sebagainya. Bahkan di Kobe, Jepun pun macam itu juga walaupun jambatan dan jalan raya dikatakan boleh tahan earthquake itu, sepatutnya boleh tahan earthquake. Tetapi apabila

sudah runtuh, didapati constructionnya tidak mengikut specification yang tertentu. Jadi, dengan hal yang demikian, bukan sahaja dari segi pelaksanaannya, kawalseliana, tetapi juga daripada segi spesifikasi awalnya mestilah ditetapkan supaya perkara-perkara yang sedemikian tidak berlaku. Itu yang pertama.

Tetapi yang kedua, ada satu lagi. Kita mestilah ingat soal alam sekitar. Kadang-kadang masalah alam sekitar, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak tidak ada, tetapi apabila bandar itu telah tumbuh dengan sepenuhnya, barulah kita sedar perkara yang boleh mendatangkan kecelakaan ataupun mendatangkan kemudatan dari segi alam sekitar—ini mungkin berlaku.

Pada masa sekarang, kita selalu bercakap dan kalau Tuan Yang di-Pertua datang ke Bandar Kuching, kita cuba hendak cucikan Sungai Sarawak, dengan membuatkan satu barrage supaya tempat itu tidak dialih oleh 'debris' dan rumput ranting yang keluar daripada sungai itu. Dengan keadaan yang demikian, Sungai Sarawak, di Bandar Kuching nanti tidak adalah apa yang dikatakan 'debris' ataupun floating rubbish yang akan datang ke sana. Tetapi adakah semestinya Sungai Sarawak akan bersih, oleh kerana bercicirannya domestic waste, dengan izin dan sebagainya ke dalam sungai tersebut? Jadi, dalam keadaan yang demikian, kita telah menggunakan beberapa sistem, iaitu pencucian domestic waste, septic tank, oxidation pond dan sebagainya. Tetapi ada teknologi-teknologi yang lebih canggih daripada itu yang mana BOD levelnya lebih tinggi, tetapi kita tidak mahu menggunakannya oleh kerana harganya lebih mahal. Di dalam keadaan yang demikian, Tuan Yang di-

Pertua, kita telah create-in quality dengan harga yang murah.

Dalam masa yang 10 tahun atau 15 tahun bagi umur bandar adalah singkat, tetapi bagi umur manusia, 15 tahun mungkin panjang. Keselesaan mutlak ataupun kualiti alam sekitar akan terjejas oleh kerana kita pilih cara yang murah, sistem yang tradisional untuk menggantikan sistem yang lebih mahal, yang lebih canggih, yang mungkin boleh menyelamatkan wang kerajaan dan swasta lebih banyak lagi, jika dikira jangka panjangnya. Jadi, dalam keadaan yang demikian saya berharap bukan sahaja bangunan atau intelligent building, dengan izin yang kita hendak binakan, tetapi keseluruhannya daripada segi alam sekitar yang boleh dipandang dari segi najis-najis dan, dengan izin rubbish ataupun sampah-sarap, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi benda seperti chemical atau discharge daripada septic tank ataupun yang keluar dari septic tank itu kadang-kadang kita nampak macam air bersih, tetapi ada BOD levelnya 50% diterima oleh Kerajaan Malaysia.

Tetapi ada sistem yang lebih canggih daripada itu boleh mencucikan discharge dari septic tank sampai 90%, ini mungkin mahal sedikit, tetapi dalam keadaan yang demikian kita mesti memilih, walaupun mahal sedikit dengan jangka panjang, kita mungkin dapat menyelamatkan warga kota Malaysia, menyelamatkan keadaan alam sekitar Malaysia dan mungkin sepanjang masa nanti 10 tahun ataupun 20 tahun akan datang, akan menyelamatkan wang atau sumber kewangan Malaysia, kerana hendak memperbaiki keadaan alam sekitar adalah lebih jauh, lebih mahal daripada membuat satu penilaian awal, dengan izin, prevention yang awal.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah jika memilih apa-apa sistem ataupun apa-apa cara untuk keadaan alam sekitar dan sebagainya, bukan sahaja dari segi pembangunan, tetapi juga dari segi infrastrukturnya. Kita mestilah melihatkan perkara yang mampu digunakan bukan sahaja masa sekarang, tetapi 5 tahun atau 10 tahun akan datang bahkan mampu mengendalikan keadaan hingga ke tahun 2030 atau 2040. Kerana dengan cara itu, wang pelaburan awal mungkin dibelanja lebih tinggi sedikit, tetapi wang kerajaan negara ini seterusnya anak-cucu kita akan berterima kasih dengan kita di Dewan ini dan juga Kerajaan Malaysia pada ketika ini, kerana telah menyelamatkan mereka daripada masalah dan gejala yang menimpa mereka pada masa yang akan datang.

Pada tahun 1960 di England, Tuan Yang di-Pertua, benda-benda yang terbang di jalan raya pun bertukar warna oleh kerana polution yang berlaku di sekitar bandar London hinggalah kerajaan mengambil satu tindakan tegas bukan sahaja mencucikan keadaan, tetapi memperbaiki sistem yang telah digunakan. Alhamdulillah, keadaan bandar London telah baik pulih, ikan telah balik semula ke River Thames, boleh dipancing dan benda-benda yang berterbangan di pekan-pekan yang hinggap di pokok-pokok kayu pun bertukar pula kepada warna yang asal sebelum itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah alam sekitar bukan hanya hendak menangkap orang yang membuat salah, tetapi kita bersedia sebelum perkara itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya mengenai soal tanah yang

digunakan untuk menempatkan bandar Putrajaya. Saya percaya masyarakat yang dialih daripada tempat itu mestilah ditempatkan semula, pampasan mungkin diberi. Begitu juga mungkin kepada Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya ingin bertanya berapa banyakkah pampasan yang bakal akan diberi kepada masyarakat yang akan dipindahkan dan berapakah pampasan yang akan diberi dengan Kerajaan Negeri Selangor? Oleh kerana bandar Putrajaya itu duduknya di dalam negeri Selangor, adakah ini juga akan dimasukkan dalam satu Wilayah Persekutuan sebagaimana taraf yang ada pada Kuala Lumpur pada masa sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkataan yang sedemikian ringkas, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan kerana dengan terbinaya Bandaraya Putrajaya ini nanti, kalau saya tidak duduk di Dewan ini lagi, mungkin saya dapatlah datang berkelah di Putrajaya, tetapi Ahli Parlimen yang bersidang di Dewan ini, mungkin terpaksa pergi jauh sedikit untuk pergi taklimat ke kementerian-kementerian, mungkin bas akan diatur oleh pihak Parlimen bagi menghantar Ahli Parlimen untuk bertaklimat.

Dalam keadaan yang demikian, Parlimen kita mungkin nampaknya semakin kecil, adakah kita juga mencadangkan supaya Parlimen dipindahkan ke Putrajaya dengan bangunan yang lebih indah, bangunan yang lebih besar, mungkin boundary Parlimen akan ditambah pula pada satu ketika yang akan datang. Ini juga perancangan yang akan dipandang untuk abad-abad yang akan datang. Jadi, mungkin tempat ini tidak ada cara lagi, melainkan gallery sebelah sana dibuka semula. Jadi, Tuan Yang di-

Pertua, patut kita juga memikirkan sama ada Parlimen ini dikekalkan di sini ataupun akan dibuat juga di Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila yang hadapan sekali.

5.28 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail (Ledang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di atas kesempatan yang diberikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan yang lain, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas pandangan jauh kerajaan iaitu untuk mewujudkan sebuah bandar baru yang diberi nama Putrajaya.

Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun dan kita berada diambang era Wawasan 2020, maka sudah sewajarnya sebuah Multi-media Super Corridor dalam bentuk sebuah bandar baru yang canggih, bercirikan konsep intelligent dan merangkumi hubungan manusia dengan 'Khaliq' ataupun pencipta, manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar. Ini merupakan ciri-ciri sebuah bandar yang unik, city of the future dan selaras dengan tuntutan agama kita, iaitu agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Putrajaya sebagai pusat pentadbiran di mana berhimpunnya semua Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan dalam satu persekitaran yang tersusun, nyaman dan indah. Ketiadaan masalah kesesakan dan hiruk-pikuk

seperti yang berlaku di Kuala Lumpur sekarang ini, sudah pasti akan mengurangkan tension dan mewujudkan suasana kerja yang aman damai dan akan membantu meningkatkan produktiviti para Menteri, pegawai-pegawai kerajaan dan peningkatan kualiti perkhidmatan ini akan juga dapat dimanfaatkan oleh rakyat dan negara menjelang ke abad 21 yang sudah tentunya amat mencabar nanti.

Cuma, untuk benar-benar menjadikan Putrajaya sebuah bandar yang canggih dan menjadi kebanggaan rakyat dan negara seluruhnya, kita harus banyak belajar daripada pengalaman dan kelemahan-kelemahan yang berlaku di Kuala Lumpur itu sendiri dari segi sistem lalu lintasnya, sistem salirannya dan juga perkembangan intelektual. Selaras dengan konsep bistari, Putrajaya ataupun PJ juga harus mengandungi unsur-unsur sebagai pusat kecemerlangan akademik seperti yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjelang abad ke-21 nanti. PJ juga sebagai sebuah city of the future mestilah menggabungkan ciri-ciri kemajuan teknologi binaan, teknologi maklumat dan tidak pula harus tandus daripada ciri-ciri dan nilai-nilai kemanusiaan, nilai-nilai kerohanian atau unsur-unsur perpaduan kaum yang akan menjadi faktor penentu kesinambungan kejayaan negara kita di dekad-dekad yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan PJ juga harus mengambil kira pengagihan lempahan rezki yang adil dan saksama kepada semua pihak khususnya penduduk-penduduk tempatan atau penduduk sekitar dari segi peluang-peluang kerja, peluang-peluang perniagaan dan lain-lain

peluang ekonomi yang tercetus daripada pembangunan bandar baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup setakat itu dan saya bersama dengan rakan-rakan yang lain menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yan.

5.34 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan): Tuan Yang di-Pertua, saya samalah seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain terutamanya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memandang begitu jauh ke hadapan bersama dengan konsep Wawasan 2020, iaitu kita mengadakan satu pusat pentadbiran dan kewangan yang canggih serta menjadi tempat tumpuan pelancong di masa yang akan datang. Juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah memberi tanah yang begitu luas untuk kita bangunkan menjadi satu nadi pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila projek sebegini besar yang akan dilancarkan oleh kerajaan, sudah tentulah kerajaan telah membuat satu perancangan yang tersusun, satu perancangan yang akan dapat menjayakan projek tersebut walaupun kita akan menghadapi masalah-masalah sampingan ketika kita menjalankan projek-projek dalam kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya konsep bandar Putrajaya ini dijadikan satu konsep bangunan ala-Islam dan mengekalkan budaya Malaysia kita ini.

Hari ini kalau kita lihat Bandaraya Kuala Lumpur, bangunan yang lama hanya bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Negara dan juga Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang melambangkan ciri Islam. Itulah bangunan yang melambangkan budaya Islam kita. Saya mencadangkan dan mengesyorkan kepada kerajaan supaya bandar ini diadakan bangunan-bangunan yang melambangkan Islam kerana negara ini adalah sebuah negara Islam.

Dengan adanya bangunan-bangunan seperti ini, bermakna sejarah kelak, macam hari ini kita dapat lihat bangunan Keretapi Tanah Melayu akan kita renungi balik. Ini adalah lambang kebesaran Islam kita dan bangunan ini tidak luntur oleh masa. Kalau kita tengok bangunan-bangunan lain di Kuala Lumpur begitu berpetak-petak, berkotak-kotak naiknya. Jadi, tidak ada satu lambang yang menunjukkan bahawa ini adalah lambang apa? Macam yang naik straight berpetak-petak itu saya hendak kata lambang apa? Tidak ada satu yang menunjukkan 'lambang'!

Tuan Yang di-Pertua, kita ada banyak negeri-negeri dalam Malaysia ini. Jadi, saya mencadangkan kalau boleh kita adakan bangunan-bangunan yang menunjukkan budaya negeri-negeri tersebut. Kalau negeri Kedah, lambangnya 'jelapang padi'. Bukanlah saya hendak suruh buat jelapang padi, tetapi bangunan itu biarlah naik seolah-olah ia menjadadi satu bangunan simbolik jelapang padi. Macam di 'nogoghi—Negeri Sembilan 'kono'lah ada lambang Minangkabau. Ini kita hendak tunjuk kepada pelancong-pelancong yang datang. 'Kelante, hambo tak reti royek'. Tetapi Kelantan lambang apa, wallahu'alam! Yang ini

minta Yang Berhormat dari Kelantan bercakap nanti.

Tuan Yang di-Pertua, jadi bila pelancong-pelancong datang ke Putrajaya nanti, ini adalah satu simbolik yang kita tunjukkan bahawa inilah negeri-negeri yang ada di bawah Persekutuan Malaysia dan kita mempunyai identiti negeri yang tersendiri. Kita jangan lupa saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kita adakan bandar dalam taman. Kita kena banyakkkan taman-taman, lanskap-lanskap yang indah di keseluruhan kawasan ini supaya apabila kita memasuki kawasan Putrajaya ini, kita memasuki sebuah taman yang akan menyenangkan fikiran dan mententeramkan jiwa kita. Macam hari ini kita masuk Kuala Lumpur ini, perasaan kita naik semak-semak dada, semak kepala, semak mata, dengan trafik jam, itu jam, ini jam! Jadi, serba-serbi jam di Kuala Lumpur ini. Kita mahu Putrajaya jadi satu kawasan yang tenang—bila kita masuk itu: Ah! Tenang. Kita bernafas pun kita menhirup udara yang bersih. Jadi, dengan adanya konsep taman.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Rompin bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Sila, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, takrif Yang Berhormat dari Yan tentang wawasan beliau mahu melihat bandar Putrajaya ini yang nyaman, ada pokok. Bukan

macam Kuala Lumpur. Maknanya, bukan satu tempat yang dikatakan “the jungle of brick walls”, dengan izin. Maknanya, the real jungle. Cadangan saya ialah apabila hendak memulakan pembangunan bandar ini, bagaimanakah caranya yang mereka buat sekarang ini? Tebang semua sekali? Lepas itu baru bangunkan balik. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini dalam pendekatan membangunkan bangunan bandar-bandar baru dengan sistem memotong semua pokok-pokok ini dan lepas itu barulah hendak ditanam yang baru? Apa cerita ini? Minta pandangan sedikit.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah hendak sampai kepada itu tetapi Yang Berhormat sudah bangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju. Ini sudah ada, fasal apa kita hendak pergi tebang pokok-pokok yang elok-elok! Ibaratnya, kalau kita cukur kepala yang ada rambut elok-elok ini, minta maaflah yang tiada rambut itu hendak buat macam mana! (*Ketawa*) Tetapi yang ada ini, kita pergi cukur kepala kemudian hendak tunggu rambut itu tumbuh balik, tempoh masa rambut itu hendak tumbuh balik kita tidaklah segak. Macam orang perempuan, kalau tidak ada rambut memanglah tidak elok. Bila dia cukur rambut, tidak elok. Begitulah juga alam kita ini. Buat apa kita hendak tebang! Kalau di atas bukit, kita buatlah bangunan itu di atas bukit. Tambah pula kita tengok bangunan-bangunan di atas bukit hari ini cukup cantik. Kita pergi tengok di lereng-lereng bukit, kalau kita pergi tebang bukit itu, akhirnya hakisan dan sebagainya, maka kita bimbanglah bangunan-bangunan

ini satu hari nanti akan runtuh atau jadi macam-macam.

Jadi, yang ini memang saya hendak tekan tadi. Cuba Tuan Yang di-Pertua tengok dalam kawasan saya di Yan, dengan Gunung Jerai indah. Kalau orang hendak buat bangunan, saya kata jangan, benda ini duduk elok-elok kacau buat apa. Tengok pokok padi, Tuan Yang di-Pertua, kalau musim tanam padi, menghijau, musim padi masak, menguning. Ini menyenangkan, sebab itulah orang-orang belah Kedah mereka senang, fikiran mereka tenteram, tak semak. Macam Yang Berhormat dari Pokok Sena, cuba dia buka kopiah dia, tak elok, sebab dia cukur, rambut tak ada. (*Ketawa*) Sebab itu kita nak kena jaga supaya jangan kita.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Penjelasan saya tentang Yang Berhormat dari Pokok Sena. Dia kata tutup kepala. Yang mana satu, yang botak di depankah atau botak di belakang, saya hendak tanya. Sebab katanya Yang Berhormat dari Pokok Sena dengar cerita kelebihannya banyak. Ada yang kata kelebihannya ada kaitan sebab dia pakai songkok, saya nak minta penjelasan sedikit.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Itulah Tuan Yang di-Pertua, yang ini kerana Allah sebab rambutnya makin terhakis, dan dia pula bila air-cond, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tak pakai kopiah, sejuk kepalanya. (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita kena kawal! Kita tengok kawasan-kawasan

yang tanah runtuh hari ini, kebanyakan kawasan-kawasan ini disebabkan oleh projek-projek pembangunan yang tidak tersusun. Jadi, saya berharap di Putrajaya ini satu kawasan baru yang kita boleh susun daripada A sampai ke Z dengan pakar-pakar yang ada di dalam negara kita ini, insya-Allah kita akan bangunkan Putrajaya ini menjadi satu bandar yang tersusun indah, dan juga kita beri ruang-ruang untuk anak-anak cucu kita pula untuk memperbesar dan memperindahkan bandar Putrajaya itu.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur kita tidak boleh—cerdik macam mana pun anak cucu kita atau kita hari ini, kita sudah tidak boleh lagi, kalau trafik jam, jamlah. Kita buatlah rail-carkah atau apa car, Tuan Yang di-Pertua, memang kelam-kabut. Sampai ke Subang Jaya dan sebagainya, kalau hujan, tiga empat jam atas jalan, tak sampai ke rumah. Cuba bayangkan kalau empat jam duduk dalam kereta, dalam hujan, kita duduk di dalamnya jadi macam mana, Tuan Yang di-Pertua. Fikiran kita kusut dengan cermin gelap kerana hujan turun, jadi kita pun naik semak perut, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bangun lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Penjelasan sedikit tentang pandangan Yang Berhormat yang saya ingin memberi sokongan, saya yakin Dewan amat menyokong dalam usaha memastikan kawasan yang dibangunkan ini tetap dengan pokok-

pokok yang indah dan hijau. Adakah Yang Berhormat bersetuju, di negara-negara Eropah misalnya, ada undang-undang, kalau seseorang menebang pokok, dia kena tambah dua pokok yang lain. Bermakna di kawasan yang kita hendak bangun, katakanlah ada 10,000 pokok, siapa dia kontraktor, pemborong yang melaksanakan bangunan, setiap pokok yang dia tumbang, yang ditebang, mesti digantikan dengan satu pokok di tempat yang lain, di kawasan yang sama. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan ini supaya kita adakan satu peraturan yang khas, supaya jumlah pokok yang ditebang di kawasan itu mesti kekal. Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Malah saya hendak cadang, kalau kita tebang satu pokok, kita kena tambah sepuluh. Jadi, akhirnya dia akan elok.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok orang-orang Barat hari ini, fasal apa dia datang ke Malaysia? Fasal apa dia datang ke negara kita ini? Kerana mereka sudah tak larat tengok dengan bangunan batu yang begitu besar, begitu tinggi. Manusia di sana pun sudah tak ambil tahu hal kawan-kawan. Fasal apa? Fasal keadaan alam, keadaan sekitar memaksa mereka jadi begitu, Tuan Yang di-Pertua. Cubalah kita ada di dalam kawasan-kawasan yang tenang, jadi pegawai-pegawai kerajaan pun, menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, tak lama kementerian ada di sana, dengan keadaan tenang mereka ini boleh berfikir. Mereka boleh buka cermin dan tengok alam sekitar begitu indah, tenang fikiran, ilham datang dan mereka boleh menjalankan pentadbiran negara dengan begitu

mudah. Ini, Tuan Yang di-Pertua, kita naik bangunan besar-besar, kita buka-buka nampak di tepi kita dinding yang besar juga. Beralih ke belakang pun macam itu juga. Tengok ke kiri macam itu juga. Jadi, kita ini seolah-olah berada di dalam satu kotak. Jadi, macam mana kita hendak boleh memberi satu pandangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, bila Tuhan mencipta satu-satu benda di atas muka bumi ini ada fasal dia, Tuan Yang di-Pertua. Kita jangan pergi usik benda-benda itu. Tuhan beri jadi pokok, ini ada fasal, Tuhan beri jadi bukit ini ada fasal. Pokok-pokok yang Tuhan buat ini macam-macam jenis pokok. Pokok yang boleh buat khasiat ubat dan sebagainya. Ini semua Tuhan cipta di atas muka bumi ini, jadi kita kena prihatin dan kita kena jaga. Saya sokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dia cukup tak seronok kalau dia tengok orang tebang pokok. Di Kedah lainlah, kita tebang padi, kita tanam lain. Musim kita potong padi, kita tanam lain. Sebab itu saya kata tadi bila Tuan Yang di-Pertua pergi di Kedah, lain alam sekitarnya, kerana keadaan menghijau, menguning dan sebagainya. Jadi, kita harap Putrajaya kita jagalah elok-elok. Jadi planner yang buat perancangan ini kena pandang jauh ke hadapan.

Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Batang Lepar. Duit ringgit jangan kita kira sangat, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita terlalu kira duit ringgit—parti pembangkang pun jangan membangkang banyak-banyak bila orang hendak buat belanja beri elok-elok.

Bangkang buat apa, tak lama anak-anak cucu kita juga hendak pakai. Kalau nak belanja duit sedikit, bising—oh! tubuh suruhanjaya penyiasat, tubuh

itu, double standard. Itu bezalah—sahabat kita DAP, Yang Berhormat dari Kota Melaka—sudah tidak ada. Silap sedikit nak suruh tubuh suruhanjaya, semua tak kena. Tetapi bila buat highway depa naik highway juga. Begitulah parti PAS pun dahulu, orang nak buat highway, membazir. Sekarang ini cuba Yang Berhormat lalu jalan lama, tak usah pakai highway, kot pun naik kelabu main dengan jalan lama, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apa yang kerajaan buat bukan untuk kita sahaja, tetapi untuk generasi masa yang akan datang, jadi kena beri sokongan. Saya hendak tengok sama ada parti pembangkang sokong atau tak sokong perkara ini. Kalau tak sokong bermakna mereka ini adalah orang yang berpandangan kolot, pandangan sempit, tak mahu maju ke hadapan, selfish, mementingkan diri sendiri. Yang ini saya hendak tengok dalam perbahasan parti pembangkang kita ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tekankan di sini ialah perbadanan yang akan ditubuhkan ini. Kalau kita tengok, perbadanan Putrajaya. Saya harap Perbadanan Putrajaya yang akan ditubuhkan ini yang akan ada seorang Presiden, tiga pegawai Kerajaan Persekutuan, dua anggota lain-lain di sektor swasta. Saya mencadangkan kita kena ada juga pemimpin-pemimpin parti-parti politik untuk duduk dalam perbadanan ini sebagai perantaraan di antara rakyat dengan pentadbiran Perbadanan Putrajaya—hak sokong kerajaanlah, hak pembangkang jangan bubuh, semak sahaja, duduk buat celaru. Kita hendakkan benda-benda macam ini supaya mereka ini juga dapat merancang bersama dengan pentadbiran.

Saya juga ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh semua kementerian-kementerian ada hubungannya sendiri. Kerana hari ini kalau kita tengok perbelanjaan kita, kementerian-kementerian menyewa bangunan-bangunan, bermilion-milion setahun. Kita berbelanja berjuta-juta ringgit untuk kita bayar sewa bangunan-bangunan. Jadi, saya mencadangkan semua kementerian-kementerian yang ada di Malaysia ini diwujudkan bangunannya sendiri, jadi tak payah sewa lagi, Tuan Yang di-Pertua. Macam hari ini, FAMA, kita ada bangunan sendiri. Pagi tadi menteri pergi bubuh batu asas, kita buat bangunan, tak payah sewa. Kalau tidak, setahun kita sewa berjuta, dua juta ringgit semuanya. Jadi, la-ni kita jimat, adakan bangunan sendiri, dan bangunan-bangunan ini kena ada identiti dia sendiri. Kalau Kementerian Kebudayaan ada cara dia, Kementerian Pendidikan ada cara dia. Benda ini vision sayalah, takkan Ahli-ahli Yang Berhormat tak setuju.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tengok, ini setujulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit, saya tertarik dan saya yakin Dewan yang mulia ini juga tertarik dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Yan bahawa tiap-tiap kementerian mesti ada bangunan yang tersendiri dan juga ada ciri-ciri yang tersendiri. Apa yang dimaksudkan dengan ciri-ciri ini, kalau Kementerian Pertanian macam mana ciri-ciri kementeriannya, kalau industri apa

cirinya, kalau perancang keluarga apa cirinya, kalau kesihatan apa cirinya?

Saya nampak Ahli Yang Berhormat amat arif di dalam rekabentuk bangunan ini (*Ketawa*) mungkin boleh memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sedikit kepakaran atau pandangan Ahli Yang Berhormat, sebab masing-masing ini mungkin ada yang hendak membuat rumah dia sendiri dan mungkin boleh mendapat idea, buah fikiran dari Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidak ada kementerian perancangan keluarga, mana ada kementerian perancang keluarga? Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ada termasuk di dalam itu, tetapi tidak ada kementerian perancang keluarga, jadi susah saya hendak tunjuk ciri-cirinya itu. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita katalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, simboliknya itu mesti ada Tuan Yang di-Pertua, simbolik—ini kementeriannya. Macam kita katalah Dewan Rakyat kita hari ini, kita tengok dewan kita ini hari ini, itulah maksud saya, macam mana? (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat menceritakan simbolik itu, bercerita begitu, itu tentang bangunan kementeriannya atau tentang menteriannya? (*Ketawa*)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, yang ini bangunannya. Kita kata macam saya telah katakan tadi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, budaya kita itu budaya Malaysia kita. Ciri-ciri budaya Malaysia itu, kita jadikan

dalam konsep bangunan. Kita petik daripada itu masukkan dalam konsep bangunan. Macam kita katalah di 'nogoghi' ini 'minangkabau' konsep minangkabau itu, tetapi dibuat cara model baru, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini lain kali bila orang tengok bangunan ini 'tourist' datang kita tunjuk, "Ha, this is Negeri Sembilan, this is minangkabau! dia punya konsep, "Oh! ya, ya, minangkabau", so dia akan tanya sejarah minangkabau datang daripada mana.

Tuan Yang di-Pertua, macam kita kata negeri Perlis, budaya makyong, canggong, so kita adakan ini, identiti negeri-negeri itu kita mesti ada. Ini yang saya tekankan tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu, saya amat bersetuju kalau boleh di bandar Putrajaya ini kita adakan 'underground' kereta api bawah tanah, daripada Kuala Lumpur ke mana hendak masuk ke situ, kereta api dok di bawah tanah, Tuan Yang di-Pertua, macam kawan kita ini dok suka sedikit London sana, saya pun hendak ikut sama Londonlah. Tuan Yang di-Pertua, kereta api bawah tanah, 'underground' jadi bila ada 'underground tube', kita akan menghindarkan kesesakan.

Jadi, yang ini saya mengharap kepada pihak-pihak yang merancang bandar Putrajaya ini supaya mengkaji benda yang macam ini. Macam sekarang ini kita ada kereta api elektrik yang baru, kita dapat lihat satu perubahan yang begitu ketara, kemudian kita akan ada lagi kereta-kereta api yang moden dan sebagainya untuk keseluruhan Kuala Lumpur. Tetapi di sana kalau boleh kita jalankan sebagai 'underground tube' supaya memudahkan, jadi daripada Negeri Sembilan, Johor, dia hendak masuk mai

Putrajaya dia ikut tube itu, kemudian dia timbul keluar di Putrajaya. Dia mai daripada Alor Setar dia turun mai di sini dengan masuk ikut tube itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh daripada lapangan terbang kita yang baru pun ikut tube itu terus keluar Putrajaya. Macam itulah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Penjelasan sedikit dari Ahli Yang Berhormat dari Yan. Tadi Ahli Yang Berhormat menceritakan kita hendak berjalan pergi kerja dengan tube, ini bermakna kereta api bawah tanah seperti di London. Ini bermakna Ahli Yang Berhormat selalu pergi ke Londonlah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam itulah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Alhamdulillah! Soalan saya, adakah Ahli Yang Berhormat boleh bersetuju.....

(*Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong memasuki Dewan*)

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong baru masuk, dia hendak bercakap selepas ini. Selain daripada mengangkut pekerja kita, pegawai-pegawai kerajaan ke satu tempat ke tempat ia bekerja, kita lihat kawasan yang ada ini amat besar, mengapa tidak juga kawasan pembangunan yang kita bincang di dalam Dewan yang mulia ini diadakan juga perancangan untuk

rumah-rumah tinggal pegawai-pegawai kerajaan kita supaya mereka ini tidak perlu lagi berjalan dengan jauh, daripada rumah mereka tinggal dari tempat mereka tinggal ke pejabat mereka.

Misalnya kita ada kompleks kementerian industri, macam konsep kampus di universiti, bila ada satu kampus di universiti dia ada perumahannya, mengapa tidak kalau kita ada satu kawasan, satu bukit yang kecil, didirikan satu bangunan yang cantik, kementerian industri, bercirikan industri, ala kebudayaan Malaysia tetapi juga ada perumahan di kawasan itu. Macam konsep kampus universiti, ini tidak bermakna, tidak timbul lagi kesesakan jalan, mereka tidak perlu lagi berjalan dengan jauh, mereka tidak perlu tinggal di Keramat, di Subang Jaya untuk pergi ke bandar yang baru ini, yang kita panggil Putrajaya, ada juga perkampungan, perumahan jabatan kerajaan yang tersendiri. Rumah-rumah ini juga boleh mengambil ciri-ciri kebudayaan kita Malaysia, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju tentang pandangan ini sebab Ahli Yang Berhormat ada bercerita tentang kereta api bawah tanah, sebab di negara kita dengan cuaca yang tinggi, yang panas akan menimbulkan satu masalah yang besar untuk meletakkan kereta api bawah tanah. Kita mungkin boleh menghindarkan dengan adanya kereta api di atas tanah, tetapi dengan adanya kemudahan-kemudahan perumahan untuk pegawai-pegawai kerajaan kita di kawasan Putrajaya, macam mana pandangan Ahli Yang Berhormat dari Yan tentang perkara ini?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju. Fasal apa saya tidak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, kerana

hari ini pegawai-pegawai kerajaan, depa hendak memiliki rumah sendiri. Bila mereka bekerja, mereka dapat kerja kemudian dia boleh dapat pinjaman daripada kerajaan, kemudian dia hendak belilah rumah sendiri untuk masa depan anak-anak cucu depa pula. Jadi, kalau kita pergi buat rumah dalam kawasan itu, Tuan Yang di-Pertua, dia akan semak kawasan itu. Tuan Yang di-Pertua, dia akan semak tidak mengapalah kalau orang itu jenis yang bersih, jenis yang tidak bersih, dia naik bendera di atas keliling rumah, dia gantung di sana, dia gantung di sini, dia sidai baju di tingkap nu, jadi akan tidak mengindahkan kawasan itu.

Jadi, kita tidak mahu macam itu, kita hendak kawasan ini bersih, tetapi kalau kita adakan kereta api macam tube system ini, Tuan Yang di-Pertua, masalah tidak akan timbul, kalau sistem pengangkutan di bandar tersebut akan dapat kita susun dengan teratur. Kita mungkin ada park ataupun kawasan lain, jauh sedikit daripada Putrajaya daripada tempat itu, adakan rancangan perumahan yang tersusun, dan kita akan mengadakan tube system dari sini, jadi tidak payahlah mereka itu membawa kereta lagi untuk pergi kerja, pakai naik kereta api bawah tanah ini sahaja.

Saya ingat kereta api bawah tanah di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah. Fasal apa, walaupun panas di atas, di bawah tanah pun walau di mana pun dia panas juga, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pasanglah air-cond, bukan kita naik kereta api bawah tanah tidak ada air-cond, 'birulah' Tuan Yang di-Pertua!

Jadi, kita kena pasang air-cond, jadi bila ada sistem ini, insya-Allah, kita akan dapat satu sistem pengangkutan yang tersusun di kawasan ini. Kalau

kita hendak buat rumah pun, untuk pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai kerajaan, kita buat jauh sedikit, supaya bila jauh sedikit, keindahan bandar itu akan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, macam hari ini cuba kita lihat bandar Kuala Lumpur ini, yang duduk di bangunan-bangunan flat ini, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang hari merdeka, kita tidak tahu yang mana satu bendera Malaysia. Dia gantung macam-macam, Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dia ada satu sistem balcony dia tidak lagi menghadap ke jalan raya, balcony menghadap sama-sama kerana balcony itu tempat kita hendak ambil angin, depa pergi gantung yang pelik-pelik. Jadi, tidak mengindahkan, yang inilah yang kita bimbangkan, kerana kita telah susun elok-elok dan kalaulah kita tidak jaga benda-benda yang macam ini, Tuan Yang di-Pertua, maka satu hari nanti kita akan samalah seperti Kuala Lumpur pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya menyokong penuhlah.....

Tuan Robert Lau Hoi Chew:
(Bangun)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Yan berkata tentang ciri-ciri bandar baru Putrajaya ini. Saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Yan bersetuju atau tidak, pandangan saya ialah bandar baru Putrajaya ini, kita perlu ada satu ciri iaitu ciri kalau orang asing sebut Putrajaya seperti sama High Park untuk London atau Tiananmen Square untuk Beijing iaitu pandangan saya, sama ada bersetuju atau tidak kita perlu ada satu main characteristic,

dengan izin, iaitu Putrajaya-apa? Saya perlukan komentar dari Ahli Yang Berhormat dari Yan.

Kedua, ialah bangunan-bangunan mesti benar-benar mencirikan kementerian-kementerian yang tertentu, tetapi menurut teknologi moden sekarang ini satu bangunan ada dua ciri. Fungsi pertamanya ialah architectural characteristic, dengan izin, dan satu lagi ialah functional characteristic. Apakah kita perlu strike satu balance di antara kedua-dua ciri ini? Ini komen dari saya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, saya ingat yang ini sekejap lagi Menteri akan menjawab. (*Ketawa*) Kalau saya jawab nanti Menteri hendak jawab macam mana—nanti menjadi modal kepada dia pula hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan dan kepada kepimpinan negara kita pada hari ini yang memandang begitu jauh ke hadapan dan insya-Allah, Putrajaya ini akan mengisi Wawasan 2020 dan dia akan menjadi realiti dalam jangka 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tidak dapat beri Yang Berhormat, masa sudah singkat, saya minta Timbalan Menteri menjawab.

6.02 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Pada keseluruhannya saya melihat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap telah bersetuju dengan Rang Undang-undang ini. Ada beberapa persoalan yang perlu saya jawab dan Yang Berhormat dari Kepong telah bertanya iaitu apakah jadual pemindahan jabatan-jabatan ke Putrajaya.

Seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri, pada peringkat permulaannya Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan akan berpindah dahulu. Kemudiannya ia akan diikuti oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang sedang menyewa bangunan-bangunan di Kuala Lumpur ini dan yang terakhir sekali ialah jabatan-jabatan yang menduduki bangunan-bangunan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong juga serta Yang Berhormat dari Batang Lupa membangkitkan berkenaan dengan masalah alam sekitar. Soal alam sekitar ini adalah dalam rancangan Putrajaya—Environment Impact Assessment sedang dijalankan oleh pakar rundin dan dalam pelaksanaannya kerajaan akan sentiasa peka kepada pemuliharaan alam semula jadi. Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan masalah Ladang Tanjong Malim. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa Ladang Tanjong Malim ini adalah di luar kawasan Putrajaya dan bukannya diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Berkenaan dengan masalah penempatan semula penduduk

kawasan yang telah diambil, satu jawatankuasa telah dibentuk oleh kerajaan untuk meneliti masalah ini supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan secara harmoni.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan soal pengangkutan. Sistem pengangkutan yang dirancang adalah satu sistem bersepadu dan akan diumumkan setelah kajian terperinci dijalankan. Cadangan sedang mengambil kira sistem trem, rel bas dan teksi serta lebuh raya khusus.

Seterusnya Yang Berhormat dari Kepong ada membangkitkan masalah perundangan di mana beliau bertanya bagaimanakah kawalselia mesti diadakan supaya fungsinya tidak bertindih. Kawasan Putrajaya masih merupakan sebahagian daripada negeri Selangor. Mengikut perjanjian yang ditandatangani Kerajaan Negeri Selangor tidak akan campur tangan dalam soal pentadbiran di kawasan Putrajaya. Perlantikan pentadbir tanah.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat tadi ada menyebut bahawa ada perjanjian. Saya pun tidak tahu apakah isi kandungan perjanjian tersebut dan mengikut Enakmen Putrajaya Performance of Function, pelaksanaan fungsi yang telah pun diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor—di dalam Fasal 4 telah pun menyatakan bahawa bagi maksud Kanun Tanah Negara, pihak berkuasa negeri boleh melantik perbadanan atau mana-mana pegawai perbadanan untuk menjadi pentadbir

tanah bagi Putrajaya. Ini jelas menyatakan bahawa pihak negeri Selangor boleh melantik perbadanan sendiri.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat tidak memberi peluang kepada saya untuk menjawab langsung. Jawapannya ialah Kerajaan Negeri Selangor tidak akan campur tangan di dalam soal pentadbiran di kawasan Putrajaya tetapi perlantikan pentadbir tanah dan perwakilan kuasa yang lain adalah bagi melicinkan pentadbiran di kawasan tersebut dengan mengambil kira peruntukan undang-undang. Dari soal pertindihan kuasa tidak timbul dan berkenaan dengan Fasal 4, seperti Yang Berhormat bertanya—Fasal 4, Enakmen Kerajaan Negeri Selangor, berkaitan dengan Putrajaya memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk melantik mana-mana pegawai perbadanan sebagai pentadbir tanah. Soalannya tidakkah ini merupakan fungsi bertindih oleh kerajaan negeri?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sekadar meminta penjelasan, hanya mengambil kesempatan kalau dibenarkan untuk mengalu-alukan kehadiran rombongan 'delegation of foreign affairs committee' - daripada German Parliament—alukan kehadiran mereka (*Tepuk*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebagaimana yang telah

dinyatakan, kawasan Putrajaya ini masih merupakan sebahagian daripada negeri Selangor. Menurut peruntukan Kanun Tanah Negara, Kerajaan Negeri boleh melantik mana-mana pihak sebagai pentadbir tanah. Tujuan perlantikan ini adalah bagi memenuhi kehendak Kanun Tanah Negara dan bagi melicinkan pentadbiran di kawasan Putrajaya itu sendiri.

Yang Berhormat dari Kepong ada bertanya apakah cukai tanah dan cukai pintu di Putrajaya iaitu sama ada Kerajaan Persekutuan perlu membayar kepada Kerajaan Negeri Selangor. Mengikut perjanjian, kawasan Putrajaya adalah tetap merupakan sebahagian daripada negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor berhak untuk mengutip cukai tanah atau cukai pintu di kawasan tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar, bila Kuala Lumpur diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan terpaksa membayar pampasan selama 20 tahun kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk memajukan ibu kota negeri Selangor—alternatif—Shah Alam dan di Putrajaya tanah itu tetap tanah Kerajaan Negeri. Walaupun disebutkan tadi cukai tanah dan cukai pintu dibayar kepada Kerajaan Negeri, apabila ada pertikaian di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan pada masa hadapan—mungkin boleh berlaku, dan bila berlaku hal sedemikian, pihak Kerajaan Negeri pada waktu itu akan menuntut—itu tanah Kerajaan Negeri. Itu bukan mustahil. Takkan UMNO sentiasa berkuasa.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu Kepong punya mentaliti.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan sentiasa berkuasa.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Pong!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuhan boleh menentukan siapa akan berkuasa. Walau bagaimanapun, ini satu kekeliruan, satu kekaburan, kesamar-samaran di dalam undang-undang. Tanah itu tanah Kerajaan Negeri. Satu perjanjian dibuat. Kerajaan Negeri tidak akan campur tangan buat masa sekarang tetapi pada masa hadapan boleh timbul Kerajaan Negeri Selangor hendak menuntut kerana Putrajaya akan kekal untuk selama-lamanya dan pada masa itu akan timbul masalah kalau kita tidak membuat undang-undang dengan lebih tepat untuk mengawasi untuk menentukan tidak berlakunya percanggahan atau pertikaian yang hebat seperti nama lama kawasan Putrajaya iaitu Prang Besar. Jadi 'perang besar'. Saya boleh ramalkan sekarang.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kepong, sebenarnya perjanjian Putrajaya ini berbeza dengan perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan Wilayah Persekutuan itu. Putrajaya ini bukan Wilayah Persekutuan.

Dr. Tan Seng Giaw: Putrajaya itu bukan Wilayah Persekutuan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ia berbeza perjanjiannya di antara Perjanjian Putrajaya dengan perjanjian di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan

dahulu kerana Wilayah Persekutuan ini bermakna kita tahu ia merupakan 'outright' pemberian muktamad, keluar daripada negeri Selangor tetapi Putrajaya ini, kita cuma meletakkan pentadbiran kita sahaja. Sebab itu perjanjiannya berbeza di antara Perjanjian Putrajaya dengan perjanjian yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan dahulu. Berbeza.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu ada perbezaan. Walau bagaimanapun, bagi pendapat saya, ini satu perjanjian yang tidak tepat kerana kita akan menimbulkan masalah untuk 'umat Adam' pada masa hadapan. (*Ketawa*) Untuk 'anak Adam' pada masa hadapan.

Jadi, kita mesti mengelakkan dari berlakunya kekaburan seperti ini. Saya tekankan perkara ini kerana pihak kerajaan pun bersama-sama dengan kita semua tidak mempunyai pengalaman untuk menangani masalah seperti ini. Buat masa ini, mungkin dengan kemenangan Barisan Nasional yang begitu hebat (*Tepuk*) dan keangkuhan dan ketakburannya, dia kata, "Oh, semua beres. Semua boleh jadi. Semua licin". Tetapi apa akan berlaku pada masa hadapan kita tidak tahu. Itu saya tekankan di sini. Saya mahu dimasukkan di dalam *Hansard* kerana saya kluatir akan berlaku pertikaian.

'Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti dahulu, Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong, ada point of order. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: 36(6), tuduhan jahat. Dia kata, "Barisan Nasional angkuh". Tidak.

Yang membuatkan Barisan Nasional dapat kemenangan besar adalah kerana DAP angkuh. (*Tepuk*) Yang sebenarnya, Barisan Nasional mendapat kemenangan yang besar adalah oleh kerana sokongan rakyat. Kita transparent dalam usaha kita, bertanggungjawab dalam tugas kita dengan rakyat. Itu yang sebenarnya. Ini cuba hendak mengalih kepada perkara lain, apa dia? Teruskan jawapan kepada Akta yang adalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta Yang Berhormat, sila jawab.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak berbangkit masalah yang disebut oleh Yang Berhormat kerana Putrajaya akan kekal menjadi sebahagian daripada negeri Selangor dan kita tahu bahawa mengikut Perlembagaan kita, soal-soal tanah itu merupakan soal di bawah naungan Kerajaan Negeri dan kalau Putrajaya itu merupakan sebahagian dari negeri Selangor, maka sudah pastilah walau 10 tahun dari sekaranglah, 100 tahun dari sekaranglah, soal tanah ialah soal Kerajaan Negeri.

Maka oleh kerana itu, Putrajaya yang sebahagian dari negeri Selangor ini.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tidak, tidak. Kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak begitu mengerti (*Disampuk*) mengenai masalah ini kerana dalam dunia ini, kalau itu tanah orang, kalau kita buat satu kedai di dalam tanah orang, kita sewakan tanah itu. Kita sewakan tanah itu, bukan begitu sahaja. Ini Putrajaya digunakan oleh pihak Persekutuan untuk dimajukan sebagai bandar yang kembar

dan kemudian kita tidak ada sewa, apa pun tidak ada. Masalah ini akan timbul. Di mana ada di dunia kita gunakan tanah orang tidak bayar cukai, tidak bayar sewa, kecuali setingan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi, ini bermakna apabila Persekutuan menjadi setingan di dalam tanah Negeri. Adakah ini yang dimaksudkannya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat..... Minta penjelasan atau memberikan penjelasan?

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dari Kepong, kita amalkan demokrasi di dalam negara kita. Kalau Yang Berhormat mempunyai tanah, kalau hendak beri orang duduk free apa salahnya, asalkan kita mempunyai perjanjian.

Jadi, sebab itu kalau dua orang yang bertanggungjawab membuat perjanjian supaya dia menyewa tanah dia, kalau dua-dua bersetuju, apa salahnya. Perjanjiannya ada. Jadi, sebab itu apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kalau Kerajaan Negeri Selangor membuat perjanjian dengan Kerajaan Pusat iaitu perlu membayar papasan, itu adalah hak Kerajaan Negeri Selangor kerana dia memerintah dan apabila kita membuat perjanjian, ikatannya adalah buat selama-lamanya mengikut 'term period' yang ditentukan oleh perjanjian itu.

Jadi, saya kira Kerajaan Negeri Selangor berhak untuk membuat apa

jua keputusan terhadap negeri itu dalam apa jua perjanjian yang dibuat dalam Kerajaan Pusat.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah itu perjanjian untuk selama-lamanya ataupun ada tempoh 10 tahun, 20 tahun, yang pertama.

Yang keduanya, sepertimana yang telah saya sebutkan di dalam Fasal 4, Enakmen Selangor itu, memang mereka boleh melantik 'corporation' yang tertentu untuk mentadbir tanah itu. Kalau ini berlaku, ini akan bertentangan dengan maksud dan hasrat Kerajaan Persekutuan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dari Kepong, dalam soal ini, Kerajaan Negeri Selangor dalam perjanjiannya akan memindahmilikkan tanah itu kepada Kerajaan Pusat. Maka, apabila ia dipindahmilik kepada Pusat, Kerajaan Selangor berhak untuk menerima cukai daripada Kerajaan Pusat.

Jadi, maknanya berbayarlah juga. Apa yang tidak betul ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi. Apabila negeri Selangor menyerahkan tanah ini, memang dia boleh kutip cukai pintu dan cukai tanah dan tambah pula kerana ini tanah dia. Dia boleh menentukan, "kali ini saya hendak dapat ganti rugi/pampasan kerana tanah ini bukan diberi percuma". Adakah di dalam perjanjian ini diberi percuma kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Kalau itulah yang dibuat, adakah persetujuan atau pungutan suara dari rakyat negeri Selangor? (Ketawa)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dari

Kepong, kita tidak ada referendum. Sistem kita tidak memerlukan kepada referendum meminta kepada rakyat Selangor membuat keputusan dalam hal ini. Dalam hal ini, kita bukan menyerahkan tanah ini kepada Kerajaan Pusat sepertimana kita serah dalam konteks Kuala Lumpur. Sebab itu Yang Berhormat baru sebut tadi mengatakan, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Selangor apa dia hendak buat.

Jadi, kalau dia hendak berikan kepada Kerajaan Pusat pindahmilik tanpa bayaran apa, itu hak dia. Jadi, Yang Berhormat sendiri tadi cakap bahawa terpulang kepada Kerajaan Negeri Selangor. Jadi, dalam hal ini, dia memindahmilikkan tanah ini kepada Kerajaan Pusat dan dia mengutip cukai tahunan daripada Kerajaan Pusat. Jadi, dalam soal ini kita harus tahu bahawa dia berhak untuk buat apa yang dia suka sebab ia adalah merupakan kerajaan. Jadi apa Yang Berhormat bangkitkan soalan tadi sebenarnya tidak berbangkit.

Dalam soal pampasan.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruldin): Beri atau tak beri, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya boleh beri. Tak ada masalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang soal itu timbul! Ini satu bidang tanah Kerajaan Negeri diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan kemudian walaupun dia boleh kutip cukai pintu dan cukai tanah, memang mungkin pada masa hadapan Kerajaan Negeri kata, "ini tak boleh

lagi". Pihak Kerajaan Persekutuan gunakan tanah kita mesti bayar pampasan. Dia boleh buat satu keputusan semacam ini!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya belum pernah lagi tengok orang buat perjanjian, apabila dia pindahmilik satu tanah dia kepada orang lain, selepas 10 tahun dia minta lagi duit daripada orang itu. Tidak pernah berlaku perjanjian seperti ini. (*Tepuk*). Kita buat perjanjian buat selama-lamanya. Kalau Yang Berhormat hendak tanya, adakah perjanjian selama-lamanya? Memang ada! Sebab ada perjanjian yang mengatakan, selagi bulan bintang itu ada, selagi itulah perjanjian itu akan berjalan. Ini biasa. Tidak ada yang luar biasa dalam perjanjian ini.

Yang Berhormat ada bangkit bertanya berkenaan dengan adakah terdapat peruntukan berkenaan pampasan yang perlu dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam perjanjian yang telah ditandatangani memandangkan tanah di kawasan itu diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pampasan bagi tanah-tanah perseorangan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya peruntukannya dibayar oleh Kerajaan Persekutuan.

Bagi tanah kepunyaan Kerajaan Negeri, tiada pampasan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kerana sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, tanah ini diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk dibangunkan dan pembangunan ini akan mendatangkan manfaat dan faedah kepada Kerajaan Negeri Selangor itu sendiri.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Itu pun nota datang

kemudian! (*Ketawa*) After thoughtlah—datang kemudian!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada. Yang Berhormat, mana ada Yang Berhormat tengok orang hantar?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tengok tadi! (*Ketawa*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Masa saya sedang.....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bukan buta!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, Yang Berhormat, nanti!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tengok tadi!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Semasa saya tengah berucap....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, satu per satu ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Semasa Yang Berhormat bertanya kepada saya, semasa saya tengah menjawab, mana ada orang datang beri kepada saya?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tengok tadi! (*Disampuk*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bermakna memang sudah ada di sini!

Dr. Tan Seng Giaw: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong, minta duduk, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau Yang Berhormat bila berucap tak tengok, itu Yang Berhormat punya pasal! Saya tengok orang beri!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta Timbalan Menteri teruskan jawapan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada orang beri, sebab saya sedang bercakap, tidak ada orang beri! Ini merupakan nota sememangnya pegawai kerajaan sediakan kepada saya pada peringkat awal tadi! Itu dia.

Seperti mana yang saya sebut sebentar tadi, jawapan saya ini, maknanya Kerajaan Negeri serahkan—memang seperti apa yang telah saya jawab lebih awal, bahawa Kerajaan Negeri serahkan kepada Kerajaan Pusat dan dia kutip cukai pintu dan tanah pada tiap-tiap tahun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini tak masuk akal. Rakyat Negeri Selangor mesti hendak tahu apakah rakyat dapat selain daripada peluang pekerjaan, pelaburan asing dan sebagainya, apakah yang didapati kerana mereka anggap, di Shah Alam dia dapat pampasan daripada Kuala Lumpur dan sebagainya dan sekarang tak dapat lagi. Apakah maknanya kemenangan begitu hebat Barisan Nasional? Inilah anggapan fikiran rakyat di Selangor.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Yan bangun, ada apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu, Yang Berhormat

duduk dalam Dewan Undangan Negeri Selangor, Negeri Selangor dan lulus dah. Yang Berhormat dok bising apa lagi? Pukul 6.00 lebih dah! Apa Yang Berhormat! (*Ketawa*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong ada bertanya berkenaan dengan status tanah di Putrajaya. Mengikut perjanjian yang telah ditandatangani itu, tanah di Putrajaya itu akan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan buat selama-lamanya. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan akan menjadi tuan punya tanah di Putrajaya. Yang Berhormat dari Batang.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata tanah itu tanah Negeri Selangor dan sekarang kata, tanah Persekutuan pulak! Apakah yang benar? (*Ketawa*)

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya percaya Yang Berhormat juga mempunyai tanah di Wilayah Persekutuan Tanah itu tanah Yang Berhormat, tetapi itu dalam Wilayah Persekutuan, bukan? Itu maksudnya. Katalah isteri Yang Berhormat ada di Petaling Jaya, Yang Berhormat beli tanah di Petaling Jaya; tanah itu tanah Yang Berhormat, tetapi Kerajaan Negeri yang kutip cukai tanah semua. Begitulah juga dengan tanah ini! Jadi, harap fahamlah ya!

Yang Berhormat dari Batang Lupa ingin bertanya berkenaan dengan adakah kawasan Putrajaya akan dimasukkan sebagai Wilayah Persekutuan. Jawapannya ialah tidak, kerana kawasan Putrajaya tetap merupakan sebahagian daripada

Negeri Selangor dan bukan sebahagian daripada Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat dari Parit Sulong ingin tahu berkenaan dengan perancangan bandar teknologi maklumat. Sebuah Jawatankuasa Khas telah diwujudkan untuk mengkaji keperluan teknologi maklumat untuk Putrajaya. MIMOS (Malaysian Institute of Micro Electronic System) akan memperkerusi Jawatankuasa ini.

Yang Berhormat dari Bandau ingin bertanya berapakah kos yang akan dibiayai oleh swasta dan berapakah kos ditanggung oleh kerajaan. Dalam perancangan dan kos pembangunan, pelan perancangan dan kos pembangunan sedang dikaji.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah sebagai langkah susulannya, pihak kerajaan akan mengubal satu dasar information technology atau teknologi maklumat nasional berbangkit kepada perkembangan IT di Putrajaya kelak sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sepertimana yang telah saya sebut, ini semua dalam kajian. Insya-Allah, kalau didapati bahawa perkara ini diperlukan, ianya boleh diberikan pertimbangan yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat dari Bandau, berapakah kos yang akan dibiayai oleh swasta dan berapakah kos ditanggung oleh kerajaan, pelan perancangan dan kos pembangunan sedang dikaji. Oleh yang demikian, buat masa ini kos yang ditanggung oleh swasta dan kerajaan tidak dapat dimaklumkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa pembangunan Putrajaya tidak akan membebankan belanjawan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja beberapa soalan yang telah dapat saya jawab dan saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Insyallah, segala pandangan dan peringatan yang telah diberikan, akan diberikan pertimbangan dan diambil perhatian yang sewajarnya. Mana-mana soalan yang tidak terjawab secara lisan, insyallah akan dijawab dengan bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Oleh kerana masa sudah cukup untuk hari ini, besok kita masuk dalam Jawatankuasa. Diminta seorang mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 16(3).

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datok Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Mempertingkatkan Kemudahan Asas Di Taman Salak Selatan

6.31 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, Taman Salak Selatan yang terletak di pinggir bandar Kuala Lumpur sepatutnya menikmati banyak kemudahan setelah dikendalikan oleh pihak swasta sama ada menjaga kebersihannya, pembangunan infrastruktur, padang permainan atau kemajuan sosial masyarakatnya. Tetapi sejak 20 tahun dulu, Taman Salak Selatan tidak banyak perubahan. Apakah Indah Water Konsortium serta dengan sistem pembedungan yang perlu diberi perhatian dalam Taman Salak Selatan sekarang, apakah tugas syarikat swasta yang mengendalikan projek begini hanya untuk mengaut keuntungan sahaja dan bukan memberi keselesaan kepada rakyat?

Tangki najis (septic tank) yang terdapat di Taman Salak Selatan sekarang sudah digunakan sejak lebih 20 tahun lalu. Maknanya tangki najis ini sudah melebihi had digunakan malah tidak sesuai lagi dengan keadaan pertambahan penduduk yang meningkat dari semasa ke semasa.

Bilakah Indah Water Konsortium akan membina septic tank yang baru dan lebih moden di Taman Salak Selatan ini? Apakah kerajaan mahu mengorbankan penduduk-penduduk di Taman Salak Selatan semata-mata mahu melaksanakan dasar penswastaan tetapi gagal memberi manfaat kepada rakyat? Pelaksanaan dasar penswastaan mestilah bertujuan memberi manfaat kepada semua pihak tetapi sekiranya Indah Water Konsortium tidak mampu melaksanakan dasar penswastaan dengan sempurna, maka syarikat ini tidak wajar diberi peluang meneruskan dasar penswastaan kerajaan.

Sampah sarap tidak diangkut mengikut jadual. Ini juga menunjukkan syarikat swasta yang mengendalikan kutipan sampah sarap gagal melaksanakan dasar penswastaan kerajaan. Terdapat banyak tayar buruk, tin-tin kosong dan sisa-sisa buangan di tempat pembuangan sampah berseparah-separah. Keadaan ini bukan sahaja menyakitkan pandangan tetapi juga boleh mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan penduduk. Dalam laporan akhbar *Berita Harian* 7hb Ogos, 1995 dilaporkan wabak denggi begitu serius. Menteri Kesihatan sendiri memberitahu keseluruhan kes demam denggi sehingga 15hb Julai 1995 ialah 2,363 kes dan 601 kes atau 25.5% berlaku di negeri Selangor. Disebabkan Taman Salak Selatan merupakan jiran terdekat negeri Selangor, apakah kes denggi ini tidak mungkin akan merebak?

Tuan Yang di-Pertua, tayar-tayar buruk, tin-tin kosong dan sisa-sisa buangan yang banyak terdapat di Taman Salak Selatan adalah gejala yang boleh menyebabkan wabak denggi dan pembiakan nyamuk aedes. Adakah kerajaan memberi jaminan wabak denggi tidak akan berlaku di Taman Salak Selatan?

Tuan Yang di-Pertua, lorong-lorong kecil banyak terdapat di Taman Salak Selatan yang sudah rosak dan berlubang-lubang. Longkang-longkang juga banyak pecah dan perlu diperbaiki. Adakah keadaan infrastruktur di Taman Salak Selatan akan kekal dengan imej 20 tahun dulu? Adakah keadaan ini akan berterusan sekalipun sudah dilantik syarikat swasta mengendalikan pembangunan sosial dan kemajuan ekonomi di Taman Salak Selatan? Penduduk di sini sudahpun mendesak supaya mereka mendapat manfaat daripada pembangunan sosial dan pertimbangan dengan kemajuan ekonomi.

- (i) Infrstruktur yang sesuai (upgrade) dengan pemodenan masyarakat pinggir bandar Kuala Lumpur;
- (ii) Kebersihan kawasan bagi menjamin faktor kesihatan penduduk;
- (iii) Pembangunan belia dengan membina padang permainan yang lebih baik seperti padang bola keranjang, tempat riadah dan taman bunga; dan
- (iv) Keselamatan penduduk terutama dari gangguan pencuri dan perbuatan anti sosial.

Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta jawab.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang akan berusaha meningkatkan, dengan izin, upgrade, tahap kemudahan asas di semua kawasan penempatan termasuk Taman Salak Selatan. Peningkatan kemudahan asas seperti lorong-lorong,

pengutipan sampah, memperbaiki landscape, kemudahan-kemudahan rekreasi dan sebagiannya kepada tahap yang bersesuaian kehidupan moden akan dijalan peringkat demi peringkat mengikut kemampuan dan keupayaan kewangan kerajaan. Selain dari usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga terlibat untuk menentukan semua kemudahan asas dipertingkatkan di Taman Salak Selatan.

Mengenai rangkaian paip pembentungan yang akan dipasang oleh IWK dalam perancangan fasa-fasa akan datang, dengan izin, capital works programmenya di kawasan Taman Salak Selatan yang kini masih menggunakan tangki septik individu akan dilaksanakan. Dalam masa yang sama pihak IWK sedang menjalankan kerja-kerja menyedut enapcemar kepada pengguna-pengguna tangki septik individu di kawasan yang tersebut dan dengan adanya kerja-kerja ini dijalankan adalah diharapkan daripada segi septik tank dan sebagainya, maka kerja-kerja pembentungan di kawasan ini akan dapat mencapai tahap yang lebih baik daripada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ianya akan diberi perhatian oleh kementerian dan kita juga akan menghantar pandangan-pandangan tadi kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk diambil tindakan oleh mereka. Semoga tahap prasana dan juga kemudahan yang didapati di Taman Salak Selatan setanding dengan kawasan-kawasan lain di bandar raya Kuala Lumpur. Terima kasih.

Semangat Untuk Anak-Anak Muda Memasuki Angkatan Tentera dan Membela Negara Amat Merosot

6.38 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya memohon maaf sekali lagi sebab Ahli-ahli Yang Berhormat terpaksa menunggu dalam Ucapan Penangguhan ini.

Saya mengambil kesempatan ini ialah supaya Kementerian Pertahanan dapat mengambil sesuatu jalan supaya kita dapat memperbaiki keadaan anak-anak muda kita yang sekarang ini kita rasa semangat untuk memasuki Angkatan Tentera terlalu merosot.

Jadi, saya mengambil kesempatan ini sebab dalam kajian dan pemerhatian saya, membandingkan dengan keadaan-keadaan yang lampau, kalau dahulunya kalau anak-anak kita di bangku sekolah, kita selalu dapati apabila kita tanya apa mereka hendak jadi apabila besar, kebanyakannya akan mengatakan bahawa mereka ingin jadi askar. Anak-anak kecil di rumah pun kalau ditanya ingin hendak menjadi askar. Gadis-gadis pun kalau ditanya, bakal-bakal suami pun mungkin mereka akan mengatakan akan memilih askar sebagai jodoh mereka. Tetapi sekarang ini perkara perkara ini sudah tidak berlaku lagi. Kanak-kanak tidak lagi bercita-cita hendak menjadi askar. Anak-anak gadis sudah tidak berapa minat untuk berkahwin dengan askar. Anak-anak muda tidak berminat untuk memasuki Angkatan Tentera. Semangat untuk membela negara sudah merosot. Sebab itu, saya mengambil kesempatan ini untuk memberi peluang kepada kementerian

yang bertanggungjawab, membina semangat ini mudah-mudahan negara kita akan penuh dengan anak-anak muda yang bersemangat untuk membela negeri.

Sekarang saya ingin bertanya kenapa perkara-perkara ini berlaku. Anak-anak.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sekejap. (*Ketawa*).....kenapa perkara ini berlaku? Anak-anak tidak mempunyai cita-cita oleh kerana ibu bapa mereka melihat Angkatan Tentera tidak menjamin masa depan anak-anak mereka. Menjadi askar sudah tidak ada pride lagi. Menjadi askar pendapatannya tidak lumayan—jual burger pun RM30 sehari, hendak masuk jadi askar buat apa kalau yang tidak mempunyai sijil, lebih baik dia jual burger. Dia jual di pasar malam boleh mendapat pendapatan yang lebih lumayan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat dari Pokok Sena bercakap pasal semangat. Kita kata semangat-semangat. Jadi, Yang Berhormat bercadang hendak beri semangat, pulih semangat orang masuk askar ini macam mana. Boleh Yang Berhormat terangkan bagi bantuan kepada Menteri hendak menjawab?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini saya hendak cakap Yang Berhormat dari Yan, tak habis lagi. Saya dapati anak-anak muda ini sebab ibu bapa mereka mengatakan bahawa menjadi angkatan tentera ini tidak berapa lumayan. Anak-anak muda tidak mempunyai semangat oleh sebab masa depan sebagai askar tidak berapa

terjamin. Kadang-kadang bila hendak masuk askar, kalau dia tidak naik pangkat, dia Private Sampai Mati (PSM) 7 tahun dia kena berhenti dia kena balik asal. Balik asal jual burgerlah atau pergi ke sawahkah. Sebab itu ibu bapa pun tidak berapa menjaminkan anak-anak mereka.

Zaman saya dahulu di sekolah, apabila haabis lulus School Certificate, ibu bapa menggalakkan suruh pergi masuk askar. Tetapi sekarang jangan, kalau lepas SPM minta guru, minta kerani, minta PTD sebab banyak peluang-peluang lain. Kalau yang tidak mempunyai sijil seperti yang saya katakan tadi, selalunya kalau dulu yang tidak mempunyai sijil, mempunyai semangat yang cukup berani. Kalau yang pas tinggi itu dia takut, dia tahu bahaya di depan. Sebab itu kalau kita hendak tertera, kalau hendak ambil askar, mesti berkelulusan tinggi—LCE atau PMR. Yang itu semua dia nampak, sebenarnya dia takut dia nampak peluru. Yang pas SPM, dia ada banyak lagi peluang-peluang lain, boleh jadi guru, boleh jadi kerani, yang senang mendapat calon-calon untuk beristeri.

Oleh sebab itulah, saya berharap pihak kementerian ini hendaklah mencari jalan supaya menimbulkan semangat. Sebab saya tengok baru-baru ini, upacara penyampaian panji-panji di Stadium Merdeka oleh Yang di-Pertuan Agong. Perarakannya cukup cantik oleh askar-askar. Tetapi yang menyaksinya dalam Stadium, anak-anak askar, isteri-isteri askar dan askar-askar yang tidak mengambil bahagian sahaja. Kita tidak menggalakkan. Kita kumpulkan anak-anak sekolah kita, rakan-rakan muda kita tengok askar berjalan, bergerak, berkawad, bukan main cantik. Sekurang-kurangnya

keinginannya ada hendak jadi askar. Dulu kita tengok askar berkawad, kita pun syok pakai smart. Sekarang askar hendak pakai uniform pun takut. Tanya Kolonel di depan itu. Sekarang kalau satu paku, dia bubuh jaket di atas sebab tidak ada kemudahan. Pakai uniform askar, naik bas kena bayar duit. Kalau ada berlaku selok poketkah, kalau dia sabar, dia kata apa dia askar ini, tengok buat tidak erti sahaja, tolonglah sabar. Kalau dia hendak pegang pun, dia bukan ada apa-apa, duit pun dia bayar juga. Masuk panggung wayang, dia pakai uniform kena bayar duit. Kalau ada bergaduh dalam panggung, dia hendak kena tolong sebab dia pakai uniform. Tolong tidak ada apa, buta sahaja dapat penumbuk sesat. Jadi, perkara-perkara ini tidak mempunyai kemudahan. Naik kereta api, dulu saya bercakap tentang kereta api, askar tidak boleh naik dalam masa cuti sekolah. Masa cuti sekolahlah askar hendak bawa anak-pinak dia. Masa itu tidak boleh, kena naik masa lain, kalau hendak ambil cuti, kalau hendak ambil tambang freekah atau waran.

Perkara-perkara ini, kemudahan-kemudahan ini kita tengok di negara-negara jiran kalau di negara Thailand, askar dia naik bas free, parking free. Di Indonesia kalau parking, kalau kita yang potong rambut, pakai tangan panjang pun kita boleh mengaku. Kalau orang datang tanya, pakir Pak? Apa pakir? ABRI pun mahu pakirkah. (Ketawa) Itu di Indonesia. Saya dahulu semasa belajar di Indonesia, saya potong rambut sampai pendek, saya pakai long sleeve, naik motor apabila saya parking, budak-budak minta parking, mereka takut, oh ini ABRI. Dia ada kemegahannya. Tetapi askar kita bubuh uniform dalam beg kertas, pakai dalam kem sebab tidak ada kemudahan langsung.

Saya minta Kementerian ini supaya memberi kemudahan-kemudahan sebab kalau dia pas SPM, dia kerja kerani, gaji RM500, masuk askar RM500 dia tidak ada perbezaan, lebih baik dia jadi kerani, tidak gaduh masuk hutan, tak gaduh berperang. Sekurang-kurangnya dia pakai uniform lebih RM100. Askar SPM RM500 campur RM100 sebab dia pakai uniform, dia pun syok. Aku pakai uniform—RM100. RM100 pakai uniform perbezaannya, kemudahannya, perolehan dari segi pendapatannya lebih. Barangkali semangat, dengan uniform yang smart, barangkali orang akan teringin. Lepas itu ibu bapa pun dia tengok, kalau jadi askar duit extra uniform RM100, kahwin isteri punya elaun, dia pun syok beri anak dia kahwin dengan askar. Sekarang siapa hendak beri? Saya pun naik bimbang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah pihak kementerian ini sebelum kita terlewat kita hendak menuju ke wawasan negara yang maju, askar tidak ada buat apa? Kita hendak askar kita bersemangat, banyak orang teringin. Ini kalau kita hendak minta, saya dengar baru-baru ini, kita berkehendakkan 1,000, 300 sahaja yang dapat sebab yang lain tidak mahu, lebih baik dia jual burger, dia kata. Dekat kampung saya lebih baik dia jual burger. Lebih baik dia jual buah tembikai atau apa, dapat lebih RM30 atau RM40.

Jual nasi lemak di Jalan Raja Chulan sehari RM300 naik kapal terbang sekali balik dengan saya, RM200 sehari. Kita di Parlimen pun tidak dapat macam itu—jual nasi lemak. Sebab itu, kita kena memberi keadaan yang lumayan supaya perkara-perkara ini dapat menarik, sekurang-kurangnya menarik semangat anak-anak muda kita untuk menjadi pembela negara.

Jadi, oleh itu, harap kementerian ini, yang ada di penjurong itu, minta supaya dia baru menjadi Menteri Pertahanan ini, dia memikirlah, sebab kita pun tengok dia dok fikir lama sampai luruh habis rambut. *(Ketawa)* Saya pakai kopiah ini bukan kerana saya tidak ada rambut seperti Yang Berhormat dari Rompin dan Yan kata, saya pakai kopiah kerana saya tidak ada rambut. Saya pun memikirkan tentang kalau tidak ada rambut, sinaran dia itu mengganggu orang depan—jadi saya pakai songkok. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri minta maaf. Saya berharap dengan niat saya yang ikhlas demi untuk kepentingan negara, demi untuk kepentingan anak-anak muda kita supaya menimbulkan semangat untuk kepentingan negara, saya harap Yang Berhormat Menteri Pertahanan mengambil perhatian dalam perkara ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta jawab, Yang Berhormat Menteri.

6.49 ptg.

Menteri Pertahanan (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena yang saya agak keprihatinan beliau amat mendalam sehingga saya kadangkala tidak dapat membezakan apa yang serius dan apa yang tidak serius. *(Ketawa)* Walau bagaimanapun, ia menunjukkan bahawa Yang Berhormat mengikuti perkembangan di dalam pasukan bersenjata kita. Tetapi saya berharap di dalam kita memperjuangkan hak dan kebaikan pasukan keselamatan kita, jangankanlah kita memberi gambaran

seolah-olah pasukan keselamatan kita tidak mempunyai minat atau tidak mempunyai semangat untuk berkorban.

Nama dan reputasi imej negara, perjuangan dan pengorbanan mereka seluruhnya sama ada di dalam negara untuk menentukan pertumbuhan ekonomi kita. Keadaan sosial kita terjamin dan keadaan sempadan kita terjamin, adalah hasil daripada pengorbanan pasukan pertahanan kita. Kalau tidak, orang tidak akan menjemput kalau dia takut kena tembak, kita tidak pergi ke Bosnia-Herzegovina, kita tidak pergi ke Somalia, kita tidak pergi ke Congo. Ini semua menunjukkan bahawa kita mempunyai ketabahan dan semangat pengorbanan yang amat kukuh dan kuat.

Saya mengalu-alukan orang yang mengambil kesempatan untuk mencari-rezeki yang lebih, kerana ini menunjukkan semangat keusahawanan yang kita ada dan memang saya menerima teguran kerana ada perkara yang benar, tetapi ada perkara-perkara di dalam menyebutkan kebenaran. Yang Berhormat mungkin menyentuh berkenaan dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan imej pasukan kita. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat, iaitu lebih baik kita dalam menyebutkan "sayang-sayanglah sedikit" kepada pasukan tentera kita. Baju yang mereka pakai kalau dibandingkan dengan negara-negara lain.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Pokok Sena minta jalan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi, biar saya habis ayat. Dia sudah pakai songkok, saya tidak nampak. (*Ketawa*) Dia ada 'sinaran', kadang-kadang 'nur' ada baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat pasukan tentera kita tidak akan menjadi pasukan yang menyalahgunakan kuasa dan mengatakan pasukan tentera, orang takut. Tetapi saya berharap bila orang melihat uniform, orang berasa hormat, ini adalah pasukan tentera yang telah memberikan pengorbanan bukan kerana kebendaan, bukan kerana wang ringgit, tetapi kerana cita-cita mereka untuk berkhidmat bagi kepentingan negara. Alhamdulillah apapun yang mereka lakukan pada masa ini, kalau mereka buat pilihan (option), memang pilihan (option) mungkin lebih menarik di dalam bidang-bidang dan aktiviti yang lain.

Saya memang begitu tertarik dengan apa Yang Berhormat mengatakan supaya kita melihat bagaimana cara untuk memperbaiki kedudukan. Dalam usaha yang sedang kita jalankan, Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam bentuk menaikkan elaun-elaun tentera yang sedia ada, setakat yang kita mampu mengikut effortdibility kerajaan, seperti elaun penerbangan juruterbang TUDM yang telah kita naikkan bermula pada bulan Julai, 1995.

Bayaran insentif Gerak Khas dan galakan penerjunan serta elaun insentif Pasukan Khas Tentera Laut (Laskar) adalah elaun-elaun asas seperti elaun perumahan di samping memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan. Antara langkah lain yang telah dijalankan, ialah dengan menyusun semula

organisasi dan syarat perkhidmatan di mana Kementerian Pertahanan telah menyusun semula organisasi tentera untuk memberi peluang kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai tentera.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dalam perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya nampak ramai daripada kita patut memberikan galakan kepada anak-anak kita. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, majoriti lebih 90% daripada ahli-ahli pasukan tentera sudah berkahwin, ini menunjukkan they are still attractive dan tidak ramai orang-orang bujang dalam pasukan tentera, jadi they are still eligible, dengan izin, masih lagi satu bidang yang menarik. Memang saya akui ada masalah untuk mendapat, tetapi masalah ini adalah satu masalah yang universal, yang dihadapi oleh kerajaan di dalam pelbagai bidang. Apabila perkembangan dan pertumbuhan ekonomi begitu baik sekali, inya-Allah, kita akan mengambil langkah untuk mengadakan latihan yang berunsur ketenteraan kepada pasukan beruniform di peringkat sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timabalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas pandangan dan prihatin beliau tentang masa hadapan tentera. Tetapi Yang Berhormat, bolehkah kalau kita tengok selalunya bekas-bekas balu-balu tentera ini, bila suaminya meninggal

dunia, orang 'teriak' sekejap, selepas itu tinggallah anak isterinya itu susah, sampai sekolah anak pun tidak boleh dan sebagainya. Jadi, bolehkah welfare mereka ini, apabila orang hendak masuk dia tahu, kalau dia mati atau gugur di medan perang kerana mempertahankan maruah negara, anak isterinya akan selamat. Ini yang kita hendak. Kadang-kadang kita tengok kasihan. Kemudian bekas-bekas tentera atau perajurit ini last sekali mereka jadi guard. Bila kita tanya umur sudah 60 tahun, 70 tahun ini tengah-tengah malam, duduk jadi guard. "Pakcik dahulu kerja apa?" "Allah, pakcik ini dahulu askar Encik oi! Hendak buat macam mana—syuru!" dia kata. Jadi ini yang kita belas, kasihan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, mintalah Menteri kalau boleh, perbetulkanlah sedikit welfare mereka ini.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Yan di atas pandangan beliau terhadap kebajikan dan kita akan memberikan tumpuan kepada kebajikan.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada syarikat-syarikatlah, yang ada agensi-agensi kerajaankah, bila ahli-ahli tentera minta kerja itu, tolonglah, yang bekas-bekas pasukan tentera kita tolong beri mereka layanan yang istimewa sedikit, jangan suruh mereka jadi guard sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan, kita juga akan menubuhkan Pasukan Latihan Pegawai Sukarela (PALAPES) di pusat pengajian tinggi sebagaimana kita ada, mengadakan kerjasama di dalam penubuhan Briged Muda Kementerian Belia dan Sukan, mengadakan khemah tahunan bagi belia dan beliawanis, menghadkan pameran dan ceramah kerjaya untuk menarik minat remaja.

Saya fikir usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dalam Ucapan Penangguhan ini adalah satu usul yang baik, untuk membangkitkan kesedaran dan keprihatinan rakyat jelata terhadap peri pentingnya pasukan bersenjata kita di dalam memberi sumbangan ke arah pembangunan negara dan keselamatan negara.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.58 petang.